BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh Bank Negara Malaysia berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan penting berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia dalam memenuhi mandatnya.

Kandungan

MS5 **Sorotan Penting**

MS7 **Persekitaran Ekonomi Antarabangsa**

MS9 **Perkembangan Ekonomi Malaysia**

MS19 *Rencana: Pertikaian Perdagangan yang Belum Selesai - Setahun Kemudian*

MS27 **Perkembangan Monetari dan Kewangan**

MS31 **Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia**

MS33 **Tinjauan Makroekonomi**

MS35 *Rencana: Langkah Menghadapi Volatiliti: Meningkatkan Kecekapan Pasaran Bagi Memastikan Kestabilan Pasaran Kewangan Terpelihara*

MS39 **Tambahan**

Sorotan Penting
Perkembangan Ekonomi dan Kewangan pada S2 2019

KDNK meningkat lebih tinggi sebanyak 4.9% (S1: 4.5%)

Permintaan dalam negeri dan semua sektor ekonomi terus berkembang

Perbelanjaan sektor swasta lebih tinggi


Sektor perkhidmatan dan perkilangan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan

Sektor perlombongan kembali mencatat pertumbuhan positif dipacu oleh pemulihan dalam pengeluaran gas asli

Inflasi keseluruhan meningkat

Inflasi keseluruhan meningkat disebabkan oleh luputnya kesan GST pada kadar sifar

Inflasi Keseluruhan dan Inflasi Teras[1]




[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak mengambil kira anggaran kesan langsung daripada perubahan dasar cukai penggunaan.

Secara keseluruhan, pembiayaan sejajar dengan aktiviti ekonomi

Pengembangan kredit setara dengan pertumbuhan ekonomi dalam tempoh kebelakangan ini

Pertumbuhan Kredit dan KDNK[2]




[2] Kredit merujuk pinjaman terkumpul daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP) serta bon korporat terkumpul.

Nota : KDNK benar dalam harga malar tahun 2015.

Permintaan untuk pembiayaan menunjukkan tanda-tanda bertambah baik

Permohonan pinjaman[3]



[3] Permohonan pinjaman merujuk data sistem perbankan sahaja.

Rencana-rencana

Pertikaian perdagangan yang belum selesai – setahun kemudian

Trend Mega Global Yang Baru Muncul



Meningkatkan kecekapan pasaran bagi memelihara kestabilan pasaran kewangan

Inisiatif pembangunan terus meningkatkan:

- Mudah tunai pasaran
- Keupayaan pengurusan risiko
- Akses kepada pasaran tempatan

Dua perkembangan utama:

Pejabat Luar Negara Yang Dilantik sebagai pintu masuk pelaburan

Program lindung nilai dinamik

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya.
Untuk maklumat lanjut, layari www.bnm.gov.my

Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

SOROTAN PENTING

- **Ekonomi global meningkat pada kadar yang lebih sederhana pada suku kedua 2019.**
- **Permintaan luaran yang lebih rendah menyebabkan prestasi eksport dalam ekonomi serantau semakin lembap.**
- **Volatiliti pasaran kewangan meningkat berikutan ketegangan perdagangan yang meruncing pada bulan Mei.**


Ekonomi global meningkat sederhana

Ekonomi global meningkat pada kadar yang lebih sederhana pada suku kedua tahun 2019.

Di Amerika Syarikat (AS), pertumbuhan menjadi sederhana pada suku kedua 2019. Pengumuman angka ini disertakan dengan semakan semula data KDNK yang lalu yang menunjukkan pertumbuhan yang lebih kukuh dari tahun 2017 hingga S3 2018, berbanding dengan pertumbuhan yang lebih perlahan pada S4 2018 dan S1 2019. Data ini menunjukkan pertumbuhan memuncak pada 1H 2018, dan telah menjadi perlahan melebihi jangkaan sebelum ini disebabkan terutamanya oleh kegiatan pelaburan yang semakin lembap. Sementara itu, pertumbuhan di kawasan euro menjadi sederhana dengan mencatatkan prestasi pertumbuhan paling rendah sejak suku keempat tahun 2013. Di samping permintaan penggunaan yang lebih rendah, pengeluaran industri kekal dalam keadaan menguncup akibat perdagangan global yang lembap dan kekangan bekalan dalam sektor automotif. Pertumbuhan di UK menjadi sederhana disebabkan terutamanya oleh penggunaan inventori dalam keadaan penggunaan swasta yang mampan.

Aktiviti ekonomi global sederhana pada S2 2019


Rajah 1: Pertumbuhan KDNK Ekonomi Terpilih



Sumber: Pihak berkuasa negara

Pertumbuhan eksport lebih rendah pada S2 2019


Rajah 2: Pertumbuhan Eksport Ekonomi Terpilih (dalam Dolar AS)



Sumber: Pihak berkuasa negara

Volatiliti pasaran kewangan meningkat

Rajah 3: Indeks Volatiliti (VIX) Chicago Board Options Exchange (CBOE)



Sumber: Bloomberg

Di Asia, pertumbuhan di RR China terus sederhana memandangkan penggunaan swasta yang semakin lemah hanya dapat diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan dalam pelaburan yang dipacu oleh dasar. Pertumbuhan di negara-negara lain di rantau Asia juga perlahan disebabkan terutamanya oleh permintaan luaran yang bertambah lemah dan pertikaian perdagangan yang berterusan antara AS dengan RR China.

Eksport terus menguncup

Eksport di semua ekonomi Asia menguncup pada suku kedua, menunjukkan permintaan luaran yang lembap dan kesan daripada ketegangan perdagangan yang terus berlaku antara AS dan RR China.

Eksport RR China menurun sebanyak 1.0% pada suku kedua disebabkan terutamanya penghantaran kelengkapan dan peralatan elektronik ke AS yang terus menguncup. Begitu juga, penguncupan eksport merentas ekonomi Asia serantau adalah disebabkan terutamanya oleh kemerosotan eksport dalam kelengkapan dan peralatan elektronik.

Volatiliti pasaran kewangan meningkat

Volatiliti pasaran meningkat pada suku kedua. Hal ini dicetuskan oleh ketegangan perdagangan yang meruncing antara AS dan RR China apabila AS menaikkan tarif ke atas USD200 bilion import dari RR China daripada 10% kepada 25%, dan meletakkan sekatan terhadap Huawei, sebuah syarikat telekomunikasi China.

Walau bagaimanapun, volatiliti pasaran berkurang secara beransur-ansur apabila risiko pertumbuhan yang perlahan meningkat akibat ketegangan perdagangan dan prospek inflasi yang rendah menyebabkan Federal Reserve AS memberi isyarat kemungkinan besar akan berlaku penurunan kadar faedah. Perubahan dalam pendirian dasar ini membantu mengurangkan kebimbangan pasaran secara keseluruhan[1]. Volatiliti pasaran juga terus menurun menjelang akhir suku kedua selepas AS dan RR China bersetuju memulakan semula rundingan perdagangan di Sidang Kemuncak G20 pada akhir bulan Jun.

Harga purata minyak mentah Brent meningkat kepada USD68 setong pada suku kedua 2019 (S1 2019: USD64), didorong terutamanya oleh gangguan bekalan yang semakin teruk di Venezuela dan Iran serta pemotongan pengeluaran secara sukarela yang sedang dilaksanakan oleh OPEC+.

[1] *Federal Open Market Committee* kemudiannya mengurangkan kadar dana persekutuan sebanyak 25 mata asas pada 31 Julai 2019.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

SOROTAN PENTING


- Ekonomi Malaysia berkembang 4.9% pada suku kedua 2019.
- Inflasi keseluruhan meningkat mencerminkan terutamanya luputnya kesan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (*Goods and Services Tax*, GST) pada kadar sifar, manakala inflasi teras kekal stabil.
- Lebihan akaun semasa kekal besar sebanyak RM14.3 bilion.

Ekonomi Malaysia berkembang pada kadar lebih kukuh sebanyak 4.9% pada suku kedua 2019

KDNK mencatatkan peningkatan pertumbuhan sebanyak 4.9% pada suku kedua 2019 (S1 2019: 4.5%), disokong oleh permintaan dalam negeri yang berterusan. Berdasarkan pelarasan bermusim suku tahunan, ekonomi meningkat 1.0% (S1 2019: 1.1%).

Pertumbuhan lebih tinggi pada S2 2019


Rajah 4: Pertumbuhan KDNK Benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aktiviti sektor swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan


Rajah 5: Sumbangan Komponen Perbelanjaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pembentukan modal tetap kasar mencatatkan penguncupan lebih kecil

Rajah 6: Pertumbuhan PMTK Mengikut Jenis Aset



* Aset-aset lain termasuk penerokaan mineral, penyelidikan & pembangunan serta tanaman modal.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aktiviti sektor swasta terus menjadi pemacu utama pertumbuhan

Permintaan dalam negeri meningkat 4.6% pada suku kedua (S1 2019: 4.4%), disokong oleh perbelanjaan isi rumah yang teguh dan pelaburan swasta yang meningkat sedikit.

Penggunaan swasta berkembang sebanyak 7.8% (S1 2019: 7.6%), disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang berterusan dan perbelanjaan musim perayaan pada suku tersebut. Beberapa langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan, seperti bantuan khas Aidilfitri dan Bantuan Sara Hidup, turut memberikan dorongan kepada perbelanjaan isi rumah secara keseluruhan.

Selepas mencatatkan pertumbuhan kukuh pada suku pertama 2019 (6.3%), penggunaan awam hanya berkembang sedikit, iaitu sebanyak 0.3%, disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih rendah untuk bekalan dan perkhidmatan.

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) mencatatkan penguncupan yang lebih kecil sebanyak 0.6% (S1 2019: -3.5%), didorong oleh sedikit kenaikan dalam pelaburan swasta dalam keadaan pelaburan sektor awam yang terus merosot. Dari segi jenis aset, perbelanjaan untuk struktur kembali pulih dengan mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 1.2% (S1 2019: -1.3%). Hal ini mencerminkan keadaan segmen harta kediaman yang lebih baik sedikit. Perbelanjaan modal untuk jentera dan kelengkapan mencatatkan kemerosotan yang lebih kecil iaitu 4.2% (S1 2019: -7.4%) susulan perbelanjaan teknologi maklumat dan komunikasi yang lebih tinggi.

Pelaburan swasta berkembang lebih pantas pada kadar 1.8% (S1 2019: 0.4%), disokong oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Namun begitu, ketidakpastian yang berkisar pada ketegangan perdagangan global dan kelemahan yang terdapat dalam segmen harta tanah yang luas terus menjejaskan prestasi pertumbuhan pelaburan.

Pelaburan awam mencatatkan penguncupan lebih kecil sebanyak 9.0% (S1 2019: -13.2%), mencerminkan terutamanya peningkatan perbelanjaan untuk aset tetap oleh Kerajaan Persekutuan. Peningkatan perbelanjaan ini sebahagiannya telah mengimbangi kelemahan berterusan dalam pelaburan syarikat perbadanan awam.

Semua sektor ekonomi berkembang

Sektor perkhidmatan berkembang sebanyak 6.1% pada suku kedua 2019 (S1 2019: 6.4%). Pertumbuhan subsektor perdagangan borong dan runcit secara relatif mampan merentas segmen borong, runcit dan kenderaan bermotor berikutan perbelanjaan isi rumah yang teguh. Subsektor kewangan dan insurans disokong oleh segmen pendapatan berasaskan fi berikutan satu tawaran awam awal yang besar dalam pasaran modal. Pertumbuhan subsektor pengangkutan dan penyimpanan dipacu oleh jumlah penumpang penerbangan yang bertambah serta kegiatan segmen pemunggahan dan laluan utama (*transhipment and gateway segments*) di pelabuhan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan subsektor maklumat dan komunikasi menjadi sederhana berikutan permintaan yang lebih perlahan untuk perkhidmatan data komunikasi.

Pertumbuhan sektor perkilangan meningkat sedikit kepada 4.3% (S1 2019: 4.2%) disokong oleh prestasi industri berorientasikan pasaran dalam negeri yang lebih baik. Pengeluaran kenderaan bermotor yang lebih tinggi mencerminkan terutamanya jualan yang kukuh semasa musim perayaan. Permintaan untuk keluaran berkaitan logam untuk projek pengangkutan dan infrastruktur yang sedang dijalankan menyebabkan pengeluaran lebih tinggi dalam kelompok berkaitan pembinaan. Pada masa yang sama, pengeluaran komponen elektronik dalam industri berorientasikan eksport terus terjejas oleh permintaan global yang lebih lemah, lantas mengakibatkan limpahan negatif ke seluruh rantaian nilai separa konduktor global.


Sektor perlombongan kembali pulih dan mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 2.9% (S1 2019: -2.1%). Ini merupakan pertumbuhan positif kali pertama yang dicatatkan oleh sektor ini sejak suku ketiga 2017. Perkembangan positif ini disokong terutamanya oleh pemulihan pengeluaran gas asli setelah mengalami gangguan saluran paip gas pada tahun 2018. Perkembangan ini juga telah lebih daripada mengimbangi faktor yang menjejaskan pertumbuhan yang berpunca daripada pengeluaran minyak yang lebih rendah berikutan penutupan loji pengeluaran berjadual di Sabah dan Sarawak.

Pertumbuhan sektor pembinaan mencatatkan sedikit peningkatan, iaitu sebanyak 0.5% (S1 2019: 0.3%), berikutan prestasi yang lebih baik dalam subsektor kediaman dan kegiatan pertukangan khas. Meskipun subsektor kediaman mencatatkan penguncupan yang lebih kecil, aktiviti dalam subsektor ini masih lagi lemah memandangkan terdapat banyak harta tanah yang masih tidak terjual. Pertumbuhan subsektor pertukangan khas yang lebih tinggi adalah hasil daripada kegiatan kerja-kerja peringkat akhir berikutan penyiapan pelbagai projek pembangunan. Sebuah projek petrokimia besar yang hampir disiapkan terus memberikan kesan terhadap pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam, manakala subsektor bukan kediaman kekal lemah disebabkan oleh keadaan lebihan bekalan harta tanah komersial.

Pertumbuhan sektor pertanian menjadi sederhana kepada 4.2% (S1 2019: 5.6%), berikutan kegiatan perikanan dan perhutanan yang merosot dan juga pengeluaran getah asli yang lebih rendah akibat musim daun luruh[2]. Hal ini sebahagiannya telah mengimbangi pemulihan berterusan dalam kadar hasil minyak sawit selepas mengalami kesan cuaca buruk pada tahun 2018.

Pertumbuhan disokong oleh pemulihan dalam bekalan komoditi dan pertumbuhan lebih baik dalam sektor perkilangan dan pembinaan


Rajah 7: Pertumbuhan Mengikut Sektor



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkhidmatan dan perkilangan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan

Rajah 8: Sumbangan kepada KDNK Benar Mengikut Sektor Ekonomi




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

[2] Lazimnya musim daun luruh berlaku antara bulan Februari hingga Mei apabila daun pokok getah gugur dan daun baharu tumbuh kembali, lantas menjejaskan metabolisme pokok dan pengeluaran susu getah.

Inflasi keseluruhan yang lebih tinggi mencerminkan luputnya kesan GST pada kadar sifar

Rajah 9: Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan Mengikut Komponen

Perubahan tahunan (%), Sumbangan kepada inflasi keseluruhan (mata peratusan)



— Inflasi keseluruhan (%)
-- Inflasi teras[1] (%)
Inflasi teras[1] (mata peratusan)
Bahan api (mata peratusan)
Kesan bersih daripada perubahan dasar cukai penggunaan (mata peratusan)
Lain-lain[2] (mata peratusan)

[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak mengambil kira anggaran kesan langsung daripada perubahan dasar cukai penggunaan.
[2] Lain-lain termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan lain yang harganya ditadbir

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Inflasi keseluruhan meningkat mencerminkan luputnya kesan GST pada kadar sifar

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP), mencatatkan purata yang lebih tinggi pada suku kedua 2019 iaitu 0.6% (S1 2019: -0.3%).

Peningkatan ini mencerminkan terutamanya luputnya kesan GST pada kadar sifar yang telah dilaksanakan pada bulan Jun 2018. Hal ini menyumbang kepada peningkatan inflasi keseluruhan pada bulan Jun 2019 kepada 1.5% (Mei 2019: 0.2%; April 2019: 0.2%).

Inflasi bahan api mencatatkan kadar negatif yang lebih kecil, sebahagian besarnya disebabkan oleh harga purata bahan api domestik yang lebih tinggi pada suku kedua di samping impak daripada kesan asas (Harga purata petrol RON95 seliter pada S2 2019: RM2.08; S1 2019: RM2.02).

Inflasi teras, yang tidak mengambil kira kesan daripada perubahan dasar cukai penggunaan, tidak berubah pada 1.6%. Tekanan inflasi yang didorong oleh permintaan pada amnya kekal stabil dan terkawal, dengan ketiadaan tekanan upah yang berlebihan dan terdapatnya lebihan kapasiti dalam stok modal.


Keadaan pasaran pekerja stabil

Pada suku kedua, keadaan pasaran pekerja stabil. Pertumbuhan guna tenaga terus mampan pada 2.1% (S1 2019: 2.2%), manakala kadar pengangguran kekal tidak berubah pada 3.3% (S1 2019: 3.3%). Keadaan ini disebabkan oleh pertambahan guna tenaga yang seiring dengan pengembangan tenaga kerja pada suku tersebut.

Upah sektor swasta meningkat sebanyak 4.2% (S1 2019: 4.9%), dipacu oleh sektor perkhidmatan (4.4%; S1 2019: 3.8%) dengan subsektor perdagangan borong dan runcit menunjukkan peningkatan dalam kadar pertumbuhan upah (4.1%; S1 2019: 3.3%). Walau bagaimanapun, pertumbuhan dalam upah sektor perkilangan lebih rendah (3.9%; S1 2019: 7.0%), khususnya dalam industri berorientasikan eksport, seperti kelompok E&E (5.1%; S1 2019: 9.7%) dan kelompok petrokimia (3.1%; S1 2019: 6.7%).

Pertumbuhan guna tenaga terus mampan

Rajah 10: Pertumbuhan Guna Tenaga



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Upah sektor swasta terus meningkat, namun pada kadar sederhana

Rajah 11: Upah Sektor Swasta*




* Upah sektor swasta diperoleh daripada data gaji dan upah yang diterbitkan dalam Perangkaan Pembuatan Bulanan dan Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Data ini merangkumi 62.9% daripada jumlah guna tenaga.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Eksport barangan bukan E&E dan komoditi menyumbang kepada pemulihan eksport

Rajah 12: Eksport Kasar Mengikut Keluaran

Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pasaran eksport yang pelbagai menyokong pertumbuhan eksport

Rajah 13: Eksport Kasar Mengikut Pasaran

Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport pulih sedikit manakala import merosot pada kadar lebih kecil

Pada suku kedua 2019, eksport kasar kembali pulih untuk mencatatkan pertumbuhan positif 0.2% (S1 2019:-0.7%). Perkembangan ini disokong oleh eksport komoditi yang kembali pulih dalam keadaan eksport perkilangan yang mampan. Lebihan perdagangan[3] kekal pada jumlah yang agak besar, meskipun lebih kecil pada RM30.1 bilion (S1 2019: RM 37.0 bilion).

Pertumbuhan eksport perkilangan kekal pada 0.3% (S1 2019: 0.3%) apabila eksport bukan E&E yang lebih tinggi membantu mengimbangi penguncupan eksport E&E. Eksport bukan E&E bertambah baik (0.9%; S1 2019: -2.5%), disebabkan oleh permintaan yang lebih tinggi untuk keluaran eksport berasaskan sumber dan bukan sumber, termasuk besi dan keluli serta kimia dan produk kimia. Sebaliknya, eksport E&E merosot 0.4% (S1 2019: 3.7%) disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah dari RR China. Hal ini sebahagiannya berpunca daripada ketegangan perdagangan yang sedang berlaku. Eksport komoditi kembali pulih untuk mencatatkan pertumbuhan positif 0.8% (S1 2019: -3.7%), hasil sokongan daripada eksport LNG dan minyak sawit.

Import merosot pada kadar yang lebih kecil, iaitu -1.2% (S1 2019: -2.5%) disebabkan oleh import barangan pengantara dan barangan penggunaan yang lebih tinggi. Import barangan pengantara (7.5%; S1 2019: 0.0%) adalah didorong oleh import minyak mentah yang lebih tinggi untuk kegiatan penapisan. Import barangan modal menguncup pada kadar yang lebih kecil disebabkan oleh kemerosotan lebih kecil dalam pelaburan jentera dan kelengkapan.

[3] Perbezaan antara lebihan barangan dengan lebihan perdagangan timbul berikutan pengecualian barangan untuk diproses, penyimpanan dan pengedaran dalam akaun barangan. Ini seperti keperluan dalam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Edisi Keenam (*Balance of Payments and International Investment Position Manual*, BPM6) IMF.

Lebihan akaun semasa kekal besar

Lebihan akaun semasa imbangan pembayaran kekal pada paras yang agak besar iaitu sebanyak RM14.3 bilion atau 3.9% daripada PNK pada suku kedua 2019 (S1 2019: RM16.4 bilion atau 4.7% daripada PNK). Hal ini disebabkan pendapatan pelaburan syarikat-syarikat Malaysia di luar negara yang lebih tinggi, yang seterusnya mengimbangi sebahagian daripada penurunan dalam lebihan barangan.

Memandangkan import meningkat melebihi pertumbuhan eksport, lebihan barangan menjadi lebih kecil kepada RM28.1 bilion (S1 2019: RM33.8 bilion).


Defisit akaun pendapatan primer lebih kecil pada RM5.5 bilion (S1 2019: -RM10.1 bilion) disebabkan oleh pendapatan pelaburan syarikat Malaysia di luar negara yang lebih tinggi, terutamanya hasil daripada pelaburan langsung dan portfolio. Kebanyakan daripada pelaburan ini adalah dalam sektor kewangan dan insurans, perlombongan serta informasi dan teknologi. Perkembangan ini telah lebih daripada mengimbangi kenaikan dalam pendapatan pelaburan terakru kepada pelabur langsung asing dan pelabur portfolio asing dalam syarikat awam tersenarai.

Dalam akaun perkhidmatan, defisit meningkat kepada RM3.4 bilion (S1 2019: -RM1.8 bilion). Hal ini disebabkan oleh pembayaran bersih yang lebih tinggi kepada penyedia perkhidmatan pengangkutan dan insurans asing, selaras dengan aktiviti perdagangan yang lebih giat pada suku tersebut. Lebihan akaun perjalanan mengecil sedikit kepada RM7.1 bilion (S1 2019: RM7.9 bilion) disebabkan oleh perbelanjaan per kapita pelancong yang lebih rendah.

Defisit akaun pendapatan sekunder berjumlah RM4.9 bilion (S1 2019: -RM5.5 bilion), mencerminkan terutamanya pengiriman wang keluar oleh para pekerja asing.

Lebihan akaun semasa agak besar


Rajah 14: Imbangan Akaun Semasa



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pelaburan langsung luar negeri lebih tinggi dan pelaburan langsung asing lebih sederhana

Rajah 15: Aliran Pelaburan Langsung Bersih Mengikut Sektor




Nota: Bagi DIA, angka positif merujuk aliran keluar bersih manakala angka negatif merujuk aliran masuk bersih

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Aliran keluar bersih pelaburan portfolio pemastautin dan bukan pemastautin

Rajah 16: Pelaburan Portfolio



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih

Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM18.6 bilion (S1 2019: -RM13.8 bilion), berikutan aliran keluar dalam akaun pelaburan langsung dan pelaburan portfolio. Kesemua aliran keluar ini telah lebih daripada mengimbangi aliran masuk bersih yang kecil dalam akaun pelaburan lain pada suku tersebut.

Akaun pelaburan langsung mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM8.2 bilion (S1 2019: aliran masuk bersih sebanyak RM16.3 bilion). Pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*, FDI) mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih kecil sebanyak RM4.4 bilion (S1 2019: aliran masuk bersih sebanyak RM21.7 bilion). Aliran masuk ini disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Pelaburan langsung luar negeri (*direct investment abroad*, DIA) oleh syarikat Malaysia mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih besar sebanyak RM12.6 bilion (S1 2019: aliran keluar bersih sebanyak RM5.5 bilion). DIA disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan, khususnya subsektor perkhidmatan kewangan, dan subsektor perkhidmatan penginapan, makanan dan minuman, serta sektor perlombongan.

Akaun pelaburan portfolio mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM10.2 bilion (S1 2019: aliran masuk bersih sebanyak RM2.1 bilion), berikutan terdapatnya kebalikan pelaburan portfolio bukan pemastautin. Pelaburan portfolio bukan pemastautin mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM5.1 bilion pada suku kedua (S1 2019: +RM13.5 bilion). Berikutan kegiatan penghindaran risiko yang lebih nyata dan sentimen lebih berhati-hati, pelabur bukan pemastautin mengurangkan pemegangan mereka dalam pasaran ekuiti dan pasaran sekuriti hutang domestik. Pada masa yang sama, pelaburan portfolio pemastautin di luar negeri turut mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM5.0 bilion (S1 2019: -RM11.4 bilion).

Akaun pelaburan lain mencatatkan aliran masuk bersih yang kecil sebanyak RM0.3 bilion (S1 2019: -RM31.9 bilion). Keadaan ini mencerminkan peminjaman antara bank oleh sistem perbankan domestik, dan ini hampir kesemuanya diimbangi oleh penempatan antara bank di luar negeri dan pembayaran balik bersih pinjaman dan kredit perdagangan oleh sektor swasta. Kesilapan dan ketinggalan bersih berjumlah RM2.9 bilion, atau 0.6% daripada jumlah perdagangan.

Hutang luar negeri kekal terurus


Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM931.1 bilion atau 61.3% daripada KDNK pada akhir bulan Jun 2019 (akhir bulan Mac 2019: RM903.7 bilion atau 59.5% daripada KDNK). Peningkatan ini mencerminkan terutamanya pengeluaran bersih peminjaman antara bank dan pinjaman antara syarikat berkaitan. Terdapat juga pelarasan penilaian semula susulan nilai ringgit yang lebih lemah berbanding dengan mata wang serantau dan utama dalam tempoh tersebut. Hal ini diimbangi sebahagiannya oleh beberapa penjualan sekuriti hutang domestik dan pengeluaran deposit oleh bukan pemastautin.

Hutang luar negeri Malaysia kekal terurus berdasarkan profil mata wang dan tempoh matang hutang ini serta terdapatnya aset luaran yang besar. Hampir satu pertiga daripada hutang luar negeri adalah dalam denominasi ringgit (31.7%; akhir bulan Mac 2019: 32.7%), dan ini terutamanya dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin (bahagian sebanyak 61.7% daripada hutang luar negeri dalam denominasi ringgit) dan dalam deposit ringgit (bahagian sebanyak 18.0%) dalam institusi perbankan domestik. Oleh itu, liabiliti ini tidak tertakluk pada perubahan penilaian akibat turun naik dalam kadar pertukaran ringgit.

Baki hutang luar negeri sebanyak RM636.1 bilion atau 68.3% daripada jumlah hutang luar negeri adalah dalam denominasi mata wang asing (*foreign currency*, FC). Pada akhir bulan Jun 2019, peminjaman luar pesisir meningkat kepada RM580.5 bilion atau 38.2% daripada KDNK (akhir bulan Mac 2019: RM546.9 bilion atau 36.0% daripada KDNK). Sektor korporat mencakupi lebih separuh daripada hutang luar negeri dalam denominasi FC dan sebahagian besarnya tertakluk pada keperluan kehematan dan perlindungan nilai.

Hutang luar negeri lebih tinggi pada S2 2019

Rajah 17: Perubahan dalam Hutang Luar Negeri
Perubahan bersih[1]: +RM27.4 bilion




[1] Perubahan setiap instrumen hutang tidak termasuk kesan penilaian kadar pertukaran
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang dalam denominasi mata wang asing tertakluk kepada amalan pengurusan mudah tunai berhemat dan keperluan melindung nilai

Rajah 18: Butiran Hutang Luar Negeri dalam Denominasi Mata Wang Asing (% bahagian)



*Termasuk kredit perdagangan dan pelbagai, seperti tuntutan insurans yang belum dibayar dan faedah belum bayar terhadap bon dan nota

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Dari segi instrumen, 36.9% (atau RM234.9 bilion) daripada hutang luar negeri dalam denominasi FC merupakan peminjaman antara bank dan deposit FC dalam sistem perbankan domestik. Sebanyak 78.3% daripada peminjaman antara bank adalah dalam bentuk peminjaman antara kumpulan yang kebanyakannya stabil yang diambil daripada bank berkaitan di luar negeri, termasuk bank induk, pejabat serantau dan anak syarikat. Hal ini mencerminkan amalan pengurusan mudah tunai dan pendanaan berpusat oleh bank.

Pada suku kedua, hutang luar negeri jangka pendek bank dalam denominasi FC meningkat sebanyak RM20.6 bilion, didorong oleh peminjaman antara bank yang lebih tinggi. Jumlah ini kebanyakan merupakan penempatan bank induk dengan bank asing di Malaysia (termasuk bank di Pusat Kewangan dan Perbankan Antarabangsa Labuan atau LIBFC), untuk memudahkan kegiatan pemberian pinjaman dan pelaburan. Dana yang diterima daripada bank asing LIBFC kebanyakannya dilaburkan di luar negeri dengan klien bukan pemastautin. Ini mencerminkan urus niaga "*out-out*" bank LIBFC. Bagi bank asing yang diperbadankan di negara ini, dana antara kumpulan kebanyakannya terus digunakan untuk pelaburan jangka pendek dan pemberian pinjaman dalam pasaran antara bank domestik. Kumpulan perbankan domestik mencakupi baki kenaikan dalam peminjaman antara bank sebagai mencerminkan peranan utama mereka untuk mengurus mudah tunai dan keperluan pendanaan untuk seluruh kumpulan. Selaras dengan perkembangan ini, aset luaran bank juga meningkat sebanyak RM22.8 bilion pada suku itu.

Secara keseluruhannya, risiko mudah tunai dan pendanaan bank terus diuruskan dengan proaktif melalui kawalan dalaman dan dasar yang teguh, termasuk penetapan had dalaman bagi (i) peminjaman antara bank; (ii) pendanaan mata wang asing dan kedudukan mudah tunai; dan (iii) dedahan risiko pasaran pertukaran asing. Risiko mata wang asing, seperti yang diukur oleh kedudukan terbuka bersih dedahan dalam denominasi FC[4] masih rendah pada 4.9% daripada jumlah modal bank.

Bon dan nota jangka panjang yang diterbitkan di luar pesisir berjumlah RM161.7 bilion pada akhir bulan Jun 2019. Jumlah ini mencakupi 25.4% daripada jumlah hutang luar negeri dalam denominasi FC. Hutang luar negeri ini kebanyakannya diambil oleh syarikat bukan kewangan dan disalurkan terutamanya untuk membiayai pemerolehan aset di luar negeri. Pinjaman antara syarikat berkaitan sebanyak RM110.5 bilion dan mencakupi 17.4% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FC, lazimnya dikenakan syarat yang fleksibel dan pada kadar konsesi. Kira-kira 80% daripada pinjaman antara syarikat berkaitan ini diperoleh syarikat multinasional (*multinational corporations*, MNC) daripada syarikat induk atau syarikat sekutu di luar negeri.

Dari segi tempoh matang, 58.3% daripada jumlah hutang luar negeri menjurus kepada tempoh jangka sederhana hingga jangka panjang (akhir bulan Mac 2019: 59.2%), lantas menunjukkan risiko pelanjutan (*rollover risks*) yang terhad. Hutang luar negeri jangka pendek mencakupi baki 41.7% jumlah hutang luar negeri. Meskipun terdapat risiko pelanjutan, ia adalah terkawal dengan baik. Hampir separuh daripada hutang luar negeri jangka pendek merupakan peminjaman antara kumpulan dalam kalangan bank dan syarikat yang rata-ratanya stabil, manakala 11% lagi ialah kredit perdagangan, yang kebanyakannya disandarkan pada perolehan eksport. Pada 31 Julai 2019, rizab antarabangsa berjumlah USD103.9 bilion, yang mencukupi untuk membiayai 7.6 bulan import tertangguh, dan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Yang penting, rizab bukanlah satu-satunya cara bagi bank dan syarikat untuk memenuhi obligasi luaran mereka. Liberalisasi terhadap peraturan pentadbiran pertukaran asing secara progresif telah menghasilkan peningkatan aset luaran bukan rizab yang ketara. Khususnya, bank dan syarikat memegang kira-kira tiga perempat daripada aset luaran Malaysia yang berjumlah RM1.8 trilion. Aset luaran ini boleh digunakan untuk membayar obligasi hutang luar negeri mereka sebanyak RM728.3 bilion. Meskipun kadar pertukaran yang fleksibel merupakan faktor perlindungan yang utama, rizab antarabangsa yang mencukupi dan adanya aset luaran mata wang asing bank dan syarikat yang besar terus menjadi penampan penting terhadap sebarang kemungkinan kejutan luaran.

[4] Merujuk jumlah agregat kedudukan mata wang asing bersih jangka pendek atau jangka panjang bagi semua mata wang di seluruh bank.

1 Rencana

Pertikaian Perdagangan yang Belum Selesai - Setahun Kemudian

Penulis: Muhamad Aizuddin, Daryl Yong, Ooi Kiesha, Catharine Kho, Chang Wen Huei

SOROTAN PENTING:

- **Ketegangan perdagangan pada tahun lalu telah meluas dari segi produk dan negara.**
- **Selain meninggalkan kesan kepada perdagangan dan pertumbuhan global, ketegangan perdagangan juga telah mendorong kepada penyusunan semula rantaian nilai global.**
- **Penilaian terkini mendapati kesan ketegangan perdagangan ke atas pertumbuhan eksport Malaysia pada tahun 2019 berjumlah -0.5 hingga -0.8 mata peratusan.**

Selepas lebih setahun berlalu, pertikaian perdagangan antara Amerika Syarikat (AS) dengan Republik Rakyat China (RR China), serta beberapa ekonomi lain, masih belum selesai dan terus meninggalkan kesan kepada ekonomi global. Bermula dengan pengenaan tarif ke atas import tertentu, iaitu keluli, aluminium dan panel suria, kini skop produk tambah meluas untuk merangkumi pelbagai barangan dengan kesan limpahan terhadap perdagangan dan prospek pertumbuhan yang semakin besar. Apabila pertikaian meruncing, kesan buruk terhadap pertumbuhan berubah daripada hanya transmisi kos perdagangan yang lebih tinggi kepada peluasan melalui Rantaian Nilai Global (*Global Value Chain, GVC*), ketidaktentuan dasar yang bertambah bagi firma dalam sektor boleh niaga dan volatiliti yang meningkat dalam pasaran kewangan.

Rencana ini merupakan artikel yang ketiga dalam siri rencana[1] mengenai pertikaian perdagangan global yang sedang berlaku, memberi penilaian tentang ketegangan perdagangan yang berubah sejak tahun lalu, dengan tumpuan kepada: (i) perkembangan perdagangan mutakhir ini; (ii) trend yang muncul; dan (iii) implikasinya kepada Malaysia.

Perkembangan mutakhir ini menyemarakkan semula ketegangan perdagangan


Pada suku kedua tahun 2019, kebimbangan banyak pihak sejak bulan Mac 2018 tentang ketegangan perdagangan akan berterusan dan tersebar ke negara lain menjadi kenyataan. Setelah AS mengenakan tarif sebanyak 10% ke atas import bernilai USD200 bilion dari RR China pada bulan September 2018, ketegangan menjadi reda menjelang akhir tahun 2018 apabila kedua-dua negara bersetuju untuk berdamai sementara. Namun begitu, perdamaian ini hanya bersifat sementara apabila AS menaikkan lagi tarif daripada 10% kepada 25% ke atas import bernilai USD200 bilion dari RR China pada bulan Mei 2019, dan melarang syarikat telekomunikasi China, Huawei membuat pembelian daripada syarikat-syarikat AS tanpa kelulusan pihak kerajaan. Apa yang berlaku seterusnya merupakan beberapa perkembangan yang berbolak-balik antara keadaan yang bertambah buruk dengan berkurangnya ketegangan perdagangan yang kadangkala berlaku dalam tempoh beberapa hari. Pada mulanya AS menangguhkan keputusannya untuk melaksanakan tarif yang menyeluruh ke atas import kereta. Selepas itu, AS mengugut dan menangguhkan ugutannya itu untuk mengenakan tarif ke atas Mexico dalam masa satu minggu.

[1] Rencana "Pertikaian Perdagangan: Implikasi Terhadap Perdagangan dan Pelaburan" dalam Buletin Suku Tahunan S1 2018, dan "Ketegangan Perdagangan yang Semakin Meruncing dan Potensi Kesan Limpahan kepada Malaysia" dalam Buletin Suku Tahunan S3 2018.

AS seterusnya mengecualikan India dan Turki sebagai benefisiari di bawah program *Generalised System of Preferences* (GSP). AS kemudiannya bersetuju untuk mengadakan perdamaian sementara dengan RR China pada bulan Jun 2019 yang juga mengurangkan sekatan terhadap Huawei. Namun begitu, perdamaian yang sementara itu tidak meliputi negara lain apabila AS mengenakan tarif yang lebih tinggi dan mengenakan '*circumvention rulings*' terhadap import keluli dari Vietnam pada bulan Julai 2019. Baru-baru ini, AS mengumumkan pengenaan tarif sebanyak 10% ke atas semua baki import daripada RR China yang bernilai USD300 bn yang akan dilaksanakan mulai 1 September 2019[2].

Dengan risiko yang berlarutan bahawa AS akan secara tiba-tiba mengambil tindakan perdagangan ke atas negara lain, di samping tanda-tanda awal akan berlaku konflik perdagangan antara Jepun dengan Korea Selatan, perkembangan yang berbolak-balik sejak tiga bulan lalu membayangkan bahawa dasar perdagangan mungkin akan terus tidak menentu (Rajah 1).

Rajah 1: Ringkasan Kemajuan Utama pada Tahun Lepas



Sumber: Pihak berkuasa negara dan aliran berita

Ketegangan perdagangan telah membawa kepada landskap global yang baharu


Perkembangan pada tahun lalu menunjukkan bahawa pengunduran daripada perdagangan bebas telah berevolusi daripada ancaman yang sementara kepada pertimbangan dasar yang sebenar. Kegagalan rundingan perdagangan untuk mengurangkan ketegangan dan menghasilkan keputusan yang berpanjangan telah mendorong firma pada peringkat global menilai semula strategi pengeluaran mereka. Hasilnya, rantaian nilai global kini dibentuk semula. Kita menyaksikan pertikaian perdagangan yang berpanjangan ini akan mewujudkan tiga trend yang berikut:

[2] Sejak rencana ini ditulis, sebahagian tarif bagi USD300bn ini telah ditangguhkan ke pertengahan Disember 2019.

Trend 1: Pertikaian perdagangan yang berpanjangan menjejaskan prospek pertumbuhan dan perdagangan

Ekonomi global memang sudah menunjukkan tanda-tanda akan menjadi sederhana dalam keadaan kitaran kelembapan aktiviti perdagangan sejak awal tahun 2018 dan pertikaian perdagangan hanya memburukkan lagi keadaan ini (Rajah 2). Semakin lama pertikaian perdagangan gagal diselesaikan, semakin buruk prospek perniagaan kerana firma terus berhadapan dengan ketidakpastian yang jelas akan menjejaskan keputusan pelaburan pada masa hadapan. Hal ini terbukti daripada kaji selidik bulanan Indeks Pengurus Pembelian (*Purchasing Managers' Index*, PMI) yang menunjukkan firma di seluruh dunia menyatakan bahawa pertikaian perdagangan yang sedang berlaku merupakan kebimbangan utama dalam membuat keputusan pelaburan, terutamanya sejak ketegangan meruncing pada bulan Mei 2019.


Rajah 2: Evolusi Ramalan IMF untuk Pertumbuhan KDNK dan Perdagangan Dunia bagi Tahun 2019



Sumber: Prospek Ekonomi Dunia Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

Meskipun pertumbuhan global dijangka bertambah baik pada masa hadapan, jangkaan ini adalah berdasarkan pada penyelesaian pertikaian perdagangan yang sedia ada. Dalam keadaan paling buruk apabila pertikaian perdagangan sepenuhnya yang melibatkan tarif menyeluruh dikenakan ke atas semua kereta dan keluaran elektronik, pertumbuhan global berpotensi akan jatuh ke paras yang paling rendah sejak Krisis Kewangan Global (Rajah 3).

Rajah 3: Pertumbuhan KDNK dan Perdagangan Dunia Jangka Panjang




Sumber: Prospek Ekonomi Dunia Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), anggaran pengarang

Kelesuan terhadap pemulihan pertumbuhan global dijangka berpanjangan jika ketegangan perdagangan masih berterusan. Hal ini boleh menjadi bertambah buruk sekiranya tindakan perdagangan antara AS dan RR China diperluaskan untuk merangkumi produk teknologi dan perlindungan hak harta intelek (IP) yang akan mengambil masa untuk diselesaikan. Pertikaian perdagangan yang terus meluas dan melibatkan lebih banyak negara, produk yang lebih pelbagai dan sektor strategik yang lebih luas, akhirnya akan menjejaskan pertumbuhan global dan prospek perdagangan global.

Bagi Malaysia, pertikaian perdagangan yang berterusan dan kesannya ke atas perdagangan global yang menjadi lebih rendah telah menjejaskan terutamanya aktiviti perdagangan Malaysia. Bukan sahaja eksport Malaysia ke negara yang terjejas (saluran langsung) menjadi lebih rendah, eksport ke negara dalam rantaian nilai global (saluran tidak langsung) telah turut terjejas. Saluran rantaian nilai global adalah besar memandangkan kedudukan Malaysia sebagai salah satu ekonomi yang paling bersepadu dalam rantaian nilai global, jika dibandingkan dengan rakan serantau (Rajah 4).

Rajah 4: Indeks Penyertaan GVC[3]



Nota: Indeks mengukur bahagian eksport sesebuah negara yang membendung input yang diimport dan/atau yang digunakan sebagai input bagi eksport negara lain.

Sumber: TiVA OECD, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia, anggaran pengarang

Sementara saluran langsung menunjukkan permintaan untuk eksport Malaysia yang digunakan di negara destinasi yang terakhir, saluran tidak langsung pula merujuk kepada permintaan daripada negara dalam rantaian nilai global untuk eksport Malaysia yang akan digunakan sebagai input perantaraan. Dengan mengambil kira kesan langsung dan tidak langsung, pertikaian perdagangan yang sedang berlaku dijangka menjejaskan pertumbuhan eksport kasar asas sebanyak -0.5 hingga -0.8 mata peratusan, dengan saluran rantaian nilai global menyumbang kepada kira-kira 20 peratus daripada kemerosotan.

Kesan daripada aktiviti perdagangan yang lebih rendah ke atas pertumbuhan juga digabungkan dengan ketidakpastian pelabur yang meningkat. Jika peningkatan risiko kepada pertumbuhan[4] yang disebabkan oleh pertikaian perdagangan menjadi kenyataan, hal ini boleh mengurangkan pertumbuhan eksport Malaysia sehingga sebanyak -0.2 mata peratusan dan pertumbuhan KDNK Malaysia sebanyak kira-kira -0.1 mata peratusan pada tahun 2019[5].

Trend 2: Pasaran kewangan tidak menentu dan ketidakpastian pelabur tinggi


Perkembangan perdagangan yang berubah dengan pantas juga telah menyebabkan ketidakpastian yang ketara, dan hal ini boleh dilihat daripada sentimen yang semakin merosot dan volatiliti dalam pasaran kewangan. Tahap ketidakpastian yang berkaitan dengan perdagangan ditunjukkan oleh Indeks Ketidakpastian Perdagangan Dunia (*World Trade Uncertainty Index*) yang berasaskan sentimen. Indeks ini telah meningkat ke paras tertinggi dalam tempoh lebih daripada dua dekad (Rajah 5). Ketegangan perdagangan juga telah meningkatkan volatiliti pasaran kewangan, dalam keadaan peralihan hala tuju dasar kewangan dalam kalangan ekonomi utama dan penilaian ekuiti yang lebih tinggi daripada nilai sebenar dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang semakin perlahan (Rajah 6).

[3] Penyertaan rantaian nilai global dianggarkan mengikut rantaian ke belakang (mengukur penggunaan input yang diimport untuk menghasilkan barangan eksport) dan rantaian ke hadapan (mengukur eksport barangan pengantara yang digunakan dalam pengeluaran eksport negara lain) relatif kepada jumlah eksport sesebuah negara. Lebih tinggi indeks penyertaan rantaian nilai global, lebih bersepadu negara tersebut dalam rantaian nilai global.

[4] Tarif yang lebih tinggi ke atas semua baki import dari RR China merupakan risiko kepada pertumbuhan pada tahun 2019. Bagi tahun 2020, risiko kepada pertumbuhan turut termasuk tarif menyeluruh ke atas import kereta dan teknologi.


[5] Ini merupakan anggaran terkini sejak rencana Buletin Suku Tahunan S3 2018. Risiko yang semakin rendah dalam penilaian semasa bagi tahun 2019 disebabkan terutamanya oleh peralihan dalam jangkaan perlaksanaan tarif yang menyeluruh ke atas import kereta dan teknologi dari tahun 2019 hingga 2020. Selain itu, kesan wujudnya peningkatan risiko dijangka lebih kecil menjelang akhir tahun. Walau bagaimanapun, ketegangan yang dijangka berpanjangan boleh meningkatkan risiko kepada pertumbuhan pada tahun 2020.

Rajah 5: Indeks Ketidakpastian Perdagangan Dunia



Sumber: Ahir, Bloom dan Furceri, (2018) "The World Uncertainty Index"

Rajah 6: Indeks Ketidaktentuan (VIX) Chicago Board Options Exchange (CBOE)



Sumber: Bloomberg

Pada awal bulan Ogos 2019, Renmimbi China menyusut nilai ke tahap paling rendah sejak lebih daripada sedekad berbanding dengan Dolar AS berikutan pengumunan 10% tarif ke atas import selebihnya dari RR China. Tidak lama selepas itu, Jabatan Perbendaharaan AS menamakan RR China sebagai manipulator mata wang[6]. Dalam jangka sederhana, keadaan ini telah menyebabkan berlakunya volatiliti yang semakin besar, dan boleh menjejaskan ekonomi benar pada masa hadapan.

Volatiliti pasaran kewangan yang meningkat berikutan rundingan perdagangan yang tidak muktamad dan dasar perdagangan global yang tidak boleh diramal telah melembapkan perniagaan dalam negeri dan sentimen pelabur. Dalam keadaan liputan dan masa berlakunya pertikaian perdagangan yang tidak boleh diramal, firma, termasuklah firma di Malaysia, secara umumnya mengambil pendekatan “tunggu dan lihat”. Hal ini sebahagiannya menyumbang kepada peningkatan yang sederhana dalam pelaburan swasta.


[6] Jabatan Perbendaharaan AS mempunyai tiga kriteria untuk mengenal pasti negara-negara yang mungkin melaksanakan amalan mata wang yang tidak adil. Amalan-amalan itu ialah (i) lebihan perdagangan dua hala yang ketara dengan Amerika Syarikat; (ii) lebihan akaun semasa yang besar, dan (iii) campur tangan sebelah pihak yang berterusan dalam pasaran mata wang.

Trend 3: Penyusunan semula rangkaian perdagangan dan pelaburan dalam rantaian nilai global

Usaha untuk memperhebat rantaian nilai global oleh pengilang sebelum ini adalah didorong oleh perlumbaan untuk mengeluarkan barangan pada kos yang paling rendah. Rantaian nilai global telah berkembang dengan ketara apabila kemasukan RR China dalam pasaran global disebabkan terutamanya oleh tenaga kerjanya yang besar. Pada hari ini, sebarang penyusunan semula rantaian nilai global yang mantap akan melibatkan pertimbangan banyak faktor seperti kedudukan geografi dengan pengguna dan pembekal, keadaan pembiayaan, margin keuntungan selepas penempatan semula, dasar pelaburan dan kestabilan politik negara tuan rumah. Oleh yang demikian, pertikaian perdagangan AS-RR China akan memberikan kesan jangka pendek dan jangka panjang ke atas rangkaian perdagangan dan pelaburan negara yang bersepadu dalam rantaian nilai global itu.


Dalam tempoh jangka pendek, pertikaian perdagangan telah menyebabkan lencongan perdagangan apabila firma mendapatkan input dari negara yang tidak terjejas dengan tarif yang lebih tinggi. Sejak pelaksanaan tarif ke atas import dari RR China pada suku tahun pertama 2018, beberapa ekonomi serantau, termasuk Vietnam, China Taipei dan Korea, telah mendapat manfaat daripada lencongan perdagangan[7]. Di Malaysia, terdapat tanda-tanda awal lencongan perdagangan akibat import yang lebih tinggi dari AS dan RR China untuk produk tertentu[8] (Rajah 7 dan Rajah 8).

Rajah 7: Perubahan dalam bahagian import AS untuk produk terpilih (%) (Malaysia berbanding RR China)



Sumber: Global Trade Atlas

Rajah 8: Perubahan dalam bahagian import RR China untuk produk terpilih (%) (Malaysia berbanding AS)



Sumber: Global Trade Atlas

Dalam kes lain, firma yang mempunyai perniagaan di RR China dan di seluruh rantau telah memanfaatkan rangkaian mereka untuk menubuhkan dua rantaian bekalan, iaitu satu untuk memenuhi permintaan dari RR China dan satu lagi untuk pasaran lain. Rantaian bekalan yang bergandingan melibatkan kilang RR China mengeluarkan barangan untuk pasaran dalam negeri atau destinasi selain daripada AS, dan pada masa yang sama mengarahkan kilang pengeluaran serantau lain untuk memenuhi tempahan dari AS.

Selain mendapatkan input dari negara lain, firma turut menunjukkan lebih kesediaan untuk mempelbagaikan rantaian bekalan mereka dengan membuat pelaburan dalam kemudahan perkilangan di negara lain memandangkan ketegangan perdagangan masih berterusan. Walau bagaimanapun, perubahan semula arah pelaburan ini hanya akan direalisasikan pada jangka lebih panjang. Kaji selidik yang dijalankan oleh American Chamber of Commerce China baru-baru ini mendapati bahawa 30.2% daripada firma dalam kalangan ahli mereka kini berusaha untuk mendapatkan komponen mereka dari luar negara RR China[9], manakala 18.3% sedang mempertimbangkan untuk memindahkan sebahagian atau seluruh operasi mereka ke negara Asia Tenggara yang lain. Antara pengumuman yang penting,

[7] "Exploring US and China trade diversion", Nomura Global Markets Research (2019).
[8] Produk terpilih ialah produk yang dikenakan tarif yang Malaysia mempunyai penyertaan yang ketara (eksport Malaysia mencakupi sekurang-kurangnya 5% daripada import AS) dan mengalami penambahan bahagian di AS antara bulan Julai 2018 hingga bulan April 2019. Kaedah yang sama digunakan terhadap import RR China dari Malaysia.
[9] "Impact of US and Chinese Tariffs on American Companies in China", AmCham China & AmCham Shanghai (2018).

Apple telah memberi isyarat kepada pembekalnya untuk memindahkan kira-kira 15% hingga 30% daripada keupayaan pengeluarannya dari RR China ke negara Asia Tenggara[10]. Li & Fung, peserta utama dalam rantaian bekalan global dalam industri produk pengguna, turut mengumumkan hasrat untuk mendapatkan kurang daripada separuh produknya dari RR China buat kali pertamanya sejak 15 tahun[11].

Perkembangan ini menunjukkan bahawa rantaian bekalan perkilangan global sedang disusun semula apabila aliran perdagangan baharu bagi produk perantaraan dan akhir dalam kalangan negara memutuskan rantaian yang sedia ada di samping mewujudkan rantaian yang baharu. Meskipun jika ketegangan perdagangan menjadi reda, struktur rantaian nilai global pada masa ini berkemungkinan akan berubah dari segi struktur apabila firma mempelbagaikan dedahan mereka kepada sesebuah negara sebagai perlindungan daripada kejutan dasar perdagangan. Keadaan ini akan membuka peluang baharu kepada negara-negara ini supaya dapat memanfaatkan kesempatan ini.

Peluang yang timbul daripada penyusunan semula rantaian nilai global

Kos tarif yang tinggi dan ketidakpastian mengenai masa hadapan hubungan antara AS dengan RR China telah mendorong pengilang global untuk mengalihkan kemudahan perkilangan dari RR China ke pasaran baharu di Asia. Walaupun terdapat tanda-tanda awal bahawa beberapa pengilang E&E global berhasrat untuk memindahkan operasi ke Malaysia (Rajah 9), hal ini tidak akan dapat mengimbangi kesan buruk daripada konflik perdagangan yang masih belum selesai pada jangka yang terdekat memandangkan masa permulaan yang panjang diperlukan untuk mengorientasikan semula rantai bekalan[12].

Rajah 9: Ringkasan Maklum Balas daripada Peserta Industri



Sumber: Pengawasan Ekonomi Wilayah BNM

[10] "Apple weighs 15%-30% capacity shifts out of China amid trade war", Nikkei Asian Review (2019).
[11] "Li & Fung cuts China's role in supply chain as it shifts sourcing to cheaper markets in Southeast Asia", SCMP (2019).
[12] "More foreign investors turning to Malaysia due to trade war", The Edge Markets (2018).

Kesimpulan

Satu tahun yang penuh dengan perkembangan perdagangan telah berlalu. Beberapa kejadian telah berlaku apabila tindakan keterlaluan diambil dan diikuti dengan tindak balas yang cepat, diselang-seli dengan rundingan dan perdamaian sementara. Pada sepanjang tempoh ini, ketegangan perdagangan telah mendorong peningkatan volatiliti dalam pasaran kewangan dan menimbulkan ketidakpastian yang ketara kepada firma yang merancang untuk membuat pelaburan dan kepada pembuat dasar yang berusaha untuk menggalakkan pertumbuhan. Penilaian terhadap tempoh yang baru berlalu ini membayangkan bahawa ketegangan perdagangan akan berterusan, mungkin sehingga jangka sederhana dan jangka panjang. Negara yang lebih kecil dan sangat bersepadu dalam rantaian nilai perlu berhati-hati untuk mengelakkan daripada memintasi larangan perdagangan yang ditetapkan oleh ekonomi utama, seterusnya terjebak dalam pertikaian ini. Oleh itu, sebarang ketegangan seterusnya boleh mengakibatkan ketegangan perdagangan semasa menjadi perang perdagangan global yang tidak mungkin ada pemenangnya.

Dalam persekitaran yang sangat tidak menentu ini, langkah dasar yang pantas, tangkas dan bijak adalah penting bagi memastikan Malaysia terus berdaya tahan dan berada dalam kedudukan yang baik untuk menangani sebarang risiko yang menghalang pertumbuhan dalam perang perdagangan. Pertama, reformasi struktur seperti menggalakkan industri nilai ditambah yang tinggi, mempelbagaikan produk dan pasaran eksport, meningkatkan fleksibiliti pasaran pekerja, di samping menarik minat pelaburan berkualiti yang akan mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, harus terus dijalankan. Kedua, kedudukan Malaysia dalam rantaian nilai global perlu kerap dikaji semula bagi memanfaatkan peluang untuk memperkukuh peranannya dalam ekosistem. Ketiga, Malaysia perlu terus berusaha secara proaktif untuk mengadakan pakatan perdagangan pelbagai hala dan dua hala dengan negara-negara lain. Yang penting, teras dasar ini akan menyumbang ke arah memperkukuh daya tahan ekonomi Malaysia.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

SOROTAN PENTING


- **Ringgit menyusut nilai pada suku kedua berikutan ketidakpastian global dan dalam negeri.**
- **Prestasi pasaran bon dan ekuiti domestik disokong oleh permintaan yang berterusan daripada pelabur institusi domestik.**

Prestasi pasaran kewangan domestik bercampur-campur pada suku kedua

Dalam tempoh dua bulan pertama suku kedua, pasaran kewangan domestik terjejas akibat sentimen pelabur yang berhati-hati berikutan prospek pertumbuhan global yang semakin sederhana dan ketegangan perdagangan global yang meruncing. Di dalam negeri, laporan mengenai kemungkinan bahawa Malaysia akan dikeluarkan daripada *FTSE Russell World Government Bond Index* (WGBI) juga menjejaskan sentimen dalam pasaran bon domestik. Akibatnya, berlaku aliran keluar portfolio bukan pemastautin sebanyak RM5.1 bilion yang seterusnya menyebabkan ringgit menyusut nilai sebanyak 1.5% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada suku tersebut. Walaupun sentimen adalah lemah, pasaran bon dan ekuiti domestik terus disokong oleh permintaan yang berterusan daripada pelabur institusi domestik sepanjang suku kedua.

Nilai ringgit menyusut berbanding dengan dolar AS didorong aliran keluar portfolio bukan pemastautin


Rajah 19: Prestasi Mata Wang Serantau Berbanding dengan Dolar AS (1 April - 28 Jun 2019)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keluk kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia menurun pada suku kedua


Rajah 20: Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi pasaran ekuiti domestik bertambah baik pada suku kedua

Rajah 21: Prestasi Pasaran Ekuiti Serantau



Sumber: Bloomberg

Menjelang akhir suku kedua, prestasi pasaran bon dan ekuiti domestik meningkat disebabkan oleh sentimen pelabur yang kembali pulih. Pada bulan Jun, jangkaan bahawa bank-bank pusat utama akan melaksanakan pelonggaran terhadap dasar monetari telah meningkatkan kesanggupan pelabur global untuk mengambil risiko. Hal ini seterusnya mendorong aliran masuk semula portfolio bukan pemastautin. Hasilnya, indeks FBM KLCI meningkat 1.7% pada suku kedua untuk ditutup pada 1,672.1 mata pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2019: 1,643.6 mata) dan kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun menurun, masing-masing sebanyak 8.5, 10.8 dan 12.3 mata asas.


Kadar faedah menurun pada suku kedua disebabkan pengurangan OPR

Berikutan pengurangan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*, OPR) pada 7 Mei 2019, kadar faedah dalam pasaran borong dan runcit menjadi lebih rendah. Dalam pasaran antara bank, kesan pindahan adalah menyeluruh dan serta-merta, dengan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (*Kuala Lumpur Interbank Offered Rate*, KLIBOR) 3 bulan menurun sebanyak 23 mata asas kepada 3.46% (S1 2019: 3.69%). Berikutan pelarasan OPR, kadar deposit tetap (*fixed deposit*, FD) nominal juga menurun dalam julat 24 hingga 25 mata asas bagi tempoh matang 1 hingga 12 bulan. Susulan itu, kadar FD benar menurun berikutan kadar nominal yang lebih rendah dan inflasi yang lebih tinggi pada suku itu.

Bagi segmen runcit, kesan pindahan pengurangan OPR kepada kadar asas (*base rate*, BR) juga adalah menyeluruh dengan penurunan BR oleh semua bank sebanyak 25 mata asas untuk mencatatkan purata berwajaran 3.68% (S1 2019: 3.92%). Pada akhir suku kedua, kadar pinjaman purata (*average lending rate*, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul juga menurun sebanyak 20 mata asas kepada 5.23% (S1 2019: 5.43%).

Kadar faedah menurun berikutan pengurangan OPR


Rajah 22: Kadar Deposit Tetap, Kadar Asas dan Kadar Pinjaman Purata (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar deposit benar menurun


Rajah 23: Kadar Deposit Tetap Benar mengikut Kematangan (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Lebihan mudah tunai ringgit terkumpul di Bank menurun


Rajah 24: Mudah Tunai Ringgit Terkumpul di Bank Negara Malaysia pada akhir tempoh



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan bersih terus berkembang berikutan peningkatan berterusan dalam pinjaman dan bon korporat terkumpul

Rajah 25: Sumbangan kepada Pertumbuhan Pembiayaan Bersih



* Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin
** Tidak termasuk impak sementara bagi tempoh S2 2018 hingga S1 2019, disebabkan oleh kemasukan data bank perdagangan berlesen yang baharu (MBSB Bank Berhad) sejak April 2018

Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan mudah tunai kekal mencukupi untuk menyokong pengantaraan kewangan

Tahap lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank menurun, mencerminkan aliran keluar bersih pada suku kedua. Walau bagaimanapun, keadaan mudah tunai sistem perbankan pada peringkat seluruh sistem dan institusi terus mencukupi, dengan kebanyakan bank terus mengekalkan kedudukan lebihan mudah tunai dengan Bank.

Pembiayaan bersih terus berkembang pada suku kedua

Pada suku kedua, pembiayaan bersih berkembang sebanyak 5.6% pada asas tahunan (S1 2019: 6.5%), didorong oleh bon korporat[5] dan pinjaman[6] terkumpul yang terus meningkat. Pertumbuhan bon korporat terkumpul meningkat sebanyak 10.6% pada suku itu (S1 2019: 7.1%), didorong terutamanya oleh terbitan sekali sahaja (*one-off issuance*) dalam sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Jumlah pinjaman terkumpul mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.9% pada asas tahunan (S1 2019: 6.4%), dengan pinjaman perniagaan terkumpul berkembang 2.7% (S1 2019: 4.4%), manakala pinjaman isi rumah terkumpul meningkat sebanyak 4.8% (S1 2019: 7.5%). Selain kesan asas yang rendah bagi S1 2019 berikutan kemasukan data bank perdagangan berlesen yang baharu sejak bulan April 2018[7], pertumbuhan yang sederhana dalam jumlah pinjaman terkumpul pada S2 2019 mencerminkan peningkatan dalam pembayaran balik pinjaman yang mengatasi pengeluaran pinjaman.

Bagi segmen perniagaan, jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada PKS dan bukan PKS kekal mampan (jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada perniagaan: RM197.2 bilion; S1 2019: RM193.8 bilion). Sebahagian besar daripada pinjaman perniagaan disalurkan kepada sektor perkilangan; perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel; serta pembinaan. Hal ini selaras dengan pengembangan aktiviti ekonomi yang berterusan dalam sektor-sektor tersebut. Permintaan untuk pembiayaan dalam kalangan perniagaan menunjukkan peningkatan pada suku kedua. Hal ini seperti dilihat dalam jumlah permohonan pinjaman[8] yang lebih tinggi (RM95.5 bilion; S1 2019: RM77.4 bilion). Bagi segmen isi rumah, pinjaman untuk harta kediaman terus menjadi pemacu utama peningkatan pinjaman isi rumah (sumbangan kepada pertumbuhan: 3.8 mata peratusan), disokong oleh kadar kelulusan yang mampan bagi pinjaman perumahan.

5 Bon korporat tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.

6 Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

7 Bermula bulan Jun 2019, data dari bulan April 2018 disemak semula untuk mengambil kira data bank perdagangan berlesen yang baharu (MBSB Bank Berhad). Ia sebelum ini dikelaskan sebagai institusi kewangan bukan bank. Dengan mengambil kira data pinjaman terkumpul ini, kadar pertumbuhan tahunan pembiayaan menjadi lebih tinggi untuk tempoh sementara dari S2 2018 hingga S1 2019. Hal ini disebabkan oleh asas yang lebih rendah pada tahun-tahun sebelumnya.

8 Permohonan pinjaman kepada sistem perbankan sahaja.

Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

SOROTAN PENTING

- **MPC menurunkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% pada mesyuarat MPC yang berlangsung pada bulan Mei 2019. Pelarasan ini bertujuan untuk mengekalkan tahap akomodatif monetari.**
- **Seterusnya, MPC mengekalkan OPR pada paras yang sama dalam mesyuarat MPC yang berlangsung pada bulan Julai 2019. Pada kadar semasa ini, pendirian dasar monetari adalah akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi dan inflasi.**

MPC menurunkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% pada mesyuarat MPC yang berlangsung pada bulan Mei 2019 dan mengekalkan OPR pada paras yang sama dalam mesyuarat yang berlangsung pada bulan Julai 2019

Pada bulan Mei 2019, Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee*, MPC) menurunkan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*, OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.00%. Dalam keadaan persekitaran global yang mencabar, MPC menjangkakan ekonomi Malaysia berkembang dalam lingkungan unjuran asas iaitu antara 4.3% hingga 4.8% pada tahun 2019. Namun begitu, masih wujud risiko pertumbuhan dalam negeri menjadi rendah disebabkan oleh ketidakpastian yang semakin meningkat dalam persekitaran global dan dalam negeri, ketegangan perdagangan dan kelemahan yang berlanjutan dalam sektor berkaitan komoditi. Walaupun keadaan monetari dan kewangan domestik terus menyokong pertumbuhan ekonomi, terdapat tanda-tanda keadaan kewangan menjadi semakin ketat. Oleh itu, pelarasan terhadap OPR adalah bertujuan untuk mengekalkan tahap akomodatif monetari.

Pada mesyuarat berikutnya pada awal bulan Julai 2019, MPC mengekalkan OPR pada 3.00%. Pada kadar semasa ini, pendirian dasar monetari adalah akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi dan inflasi.

Purata inflasi keseluruhan pada tahun 2019 pada amnya dijangka stabil berbanding dengan tahun 2018. Walau bagaimanapun, trajektori inflasi keseluruhan akan terus bergantung pada harga minyak dunia dan langkah-langkah dasar seperti masa pemansuhan harga siling bagi harga runcit bahan api domestik. Inflasi asas dijangka kekal stabil kerana disokong oleh kegiatan ekonomi yang terus berkembang dan ketiadaan tekanan permintaan yang besar.

MPC akan terus menilai imbangan risiko terhadap prospek pertumbuhan dalam negeri dan inflasi untuk memastikan pendirian dasar monetari terus kondusif terhadap pertumbuhan yang berterusan dalam keadaan harga yang stabil.

Sorotan dasar lain pada suku kedua 2019

Sorotan dasar	Keperluan penting
Insurans Kredit Perdagangan/ Takaful Kredit Perdagangan (TCIT) – Dokumen Dasar	• Dokumen dasar yang berkuat kuasa pada 3 Mei 2019 ini menetapkan kehendak pengawalseliaan berkenaan dengan penawaran TCIT, termasuk keperluan yang melibatkan proses kelulusan dan pengemukaan maklumat. • Pengawalseliaan yang lebih jelas adalah bertujuan untuk meningkatkan jumlah produk fasilitasi perdagangan sedia ada, termasuk produk patuh Syariah yang akan menyokong pertumbuhan perniagaan berstatus halal di Malaysia. • Penawaran TCIT juga akan menyumbang kepada kepelbagaian portfolio produk perlindungan bagi penanggung insurans dan pengendali takaful berlesen.

Rangka Kerja untuk Platform Perdagangan Elektronik (ETP) – Draf Dedahan	• Draf dedahan yang diterbitkan pada 14 Jun 2019 ini menetapkan keperluan dan kehendak Bank terhadap peserta pasaran yang menawarkan perkhidmatan ETP dalam pasaran wang dan pertukaran asing di Malaysia.
	• Draf dedahan ini bertujuan untuk memastikan bahawa perkhidmatan ETP yang ditawarkan kepada peserta Malaysia adalah selamat, cekap dan mantap, untuk mengekalkan keadaan pasaran yang teratur dan untuk menjaga integriti pasaran kewangan.
	• Khususnya, pengendali platform hendaklah–
	  ○ mendapatkan kelulusan Bank terlebih dahulu; dan
	  ○ mempunyai kapasiti operasi dan tadbir urus yang mencukupi bagi memastikan pemisahan tanggungjawab dan akauntabiliti yang jelas dalam Pengurusan dan Lembaga Pengarah.

Pendaftaran Perniagaan Pengagregatan Insurans dan Takaful – Draf Dedahan	• Draf dedahan ini diterbitkan pada 18 Jun 2019 untuk mendapatkan maklum balas orang ramai bagi menetapkan kehendak yang dicadangkan bagi pendaftaran agregator insurans dan takaful sebagai satu kategori perniagaan baharu di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. • Draf dedahan ini bertujuan memberikan kejelasan tentang pengolahan pengawalseliaan terhadap perkhidmatan tanpa khidmat nasihat, termasuk obligasi terhadap prosedur pendaftaran dan tatalaku perniagaan yang perlu dipatuhi oleh agregator insurans dan takaful berdaftar pada setiap masa.

Rangka Kerja Operasi Takaful – Dokumen Dasar	• Dokumen dasar ini menetapkan parameter yang telah diperkukuh bagi pengendali takaful dan pengendali takaful semula yang berlesen mengenai pengurusan kumpulan wang takaful dan pemegang saham.
	• Penambahbaikan kepada dokumen dasar ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan operasi perniagaan takaful dan kemampanan kumpulan wang takaful dengan–
	  ○ membenarkan fleksibiliti dalam mengguna pakai kontrak-kontrak Syariah baharu, tertakluk pada pematuhan dasar pengawalan tertentu; dan
	  ○ memperkukuh kehendak Bank terhadap pengendali takaful berkenaan keutuhan polisi dalaman untuk mengurus kumpulan wang takaful tambahan, kawalan dalaman ke atas aktiviti transaksi silang antara kumpulan wang dan keperluan bagi pengurusan kumpulan wang simpanan dan pelaburan secara berasingan.
	• Dasar ini akan berkuat kuasa pada 1 Julai 2020.

Tinjauan Makroekonomi

SOROTAN PENTING

- **Pada tahun 2019, pertumbuhan global dijangka terus sederhana.**
- **Bagi Malaysia, pertumbuhan ekonomi dijangka kekal antara 4.3% hingga 4.8%.**
- **Purata inflasi keseluruhan dijangka meningkat pada separuh kedua 2019.**

Pertumbuhan global sederhana pada tahun 2019


Ekonomi global dijangka berkembang pada kadar yang sederhana pada tahun 2019 berbanding dengan tahun 2018. IMF menurunkan unjuran pertumbuhan global tahun 2019 sebanyak 0.1 mata peratusan kepada 3.2%.

Meskipun pasaran pekerja terus kukuh, pertumbuhan KDNK AS dijangka perlahan disebabkan oleh aktiviti pelaburan yang sederhana berikutan sokongan fiskal yang merosot dan ketidakpastian daripada konflik perdagangan dengan RR China. Pertumbuhan kawasan euro dijangka terjejas teruk akibat permintaan domestik dan luaran yang sederhana. Aktiviti ekonomi di rantau Asia juga dijangka lebih perlahan, memandangkan permintaan luaran yang bertambah lemah. Rangsangan dasar yang aktif akan membantu menyokong pertumbuhan di RR China.

Risiko kepada prospek pertumbuhan global terus cenderung untuk meningkat, berpunca daripada kemungkinan memuncaknya pertikaian perdagangan, ketidakpastian yang berterusan dalam rundingan Brexit, dan volatiliti pasaran kewangan yang keterlaluan.

Pertumbuhan global semakin sederhana pada 2019

Rajah 26: Pertumbuhan KDNK



r Ramalan

Sumber: Prospek Ekonomi Dunia Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) (Julai 2019)

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kekal antara 4.3% — 4.8% pada tahun 2019

Pertumbuhan ekonomi Malaysia terus bertambah baik, disokong terutamanya oleh pemulihan daripada kejutan yang berkaitan dengan komoditi yang dialami tahun lepas.

Walaupun pemulihan daripada kejutan bekalan dijangka berterusan pada separuh kedua tahun 2019, pertumbuhan global yang lebih perlahan di tengah-tengah ketegangan perdagangan yang berterusan akan memberikan kesan terhadap pertumbuhan. Dalam persekitaran ini, pertumbuhan ekonomi dijangka terus disokong terutamanya oleh aktiviti sektor swasta. Perbelanjaan isi rumah akan terus didorong oleh keadaan pasaran pekerja yang stabil, sementara aktiviti pelaburan akan disokong oleh penambahan kapasiti dalam sektor-sektor utama seperti perkilangan dan perkhidmatan.

Oleh itu, unjuran asas pertumbuhan kekal antara 4.3% - 4.8%. Walau bagaimanapun, prospek pertumbuhan adalah tertakluk kepada risiko yang berpunca daripada ketidakpastian yang berlarutan dalam persekitaran global dan dalam negeri, ketegangan perdagangan yang semakin meruncing dan kelemahan berpanjangan dalam sektor-sektor yang berkaitan dengan komoditi. Penyelesaian yang positif kepada rundingan perdagangan yang sedang berlangsung mungkin mengurangkan risiko yang wujud.

Purata inflasi keseluruhan dijangka meningkat pada separuh kedua 2019

Pada separuh kedua 2019, purata inflasi keseluruhan dijangka lebih tinggi berbanding dengan separuh pertama 2019 berikutan luputnya kesan perubahan dasar cukai penggunaan.

Dalam tempoh seterusnya pada tahun 2019, trajektori inflasi keseluruhan akan bergantung pada harga minyak dunia dan langkah-langkah dasar seperti masa pemansuhan harga siling bagi harga runcit bahan api domestik. Dasar kawalan harga seperti peluasan skim kawalan harga musim perayaan boleh mengehadkan inflasi makanan.

Inflasi asas dijangka kekal stabil, disokong oleh kegiatan ekonomi yang terus berkembang dan ketiadaan tekanan permintaan yang besar.

2 Rencana

Langkah Menghadapi Volatiliti: Meningkatkan Kecekapan Pasaran Bagi Memastikan Kestabilan Pasaran Kewangan Terpelihara

Oleh: Ei-Jean Kong, CFA dan Reza Baharin, CFP

SOROTAN PENTING

- **Pasaran kewangan yang mendalam dengan mudah tunai yang mencukupi merupakan faktor penting untuk memelihara kestabilan pasaran.**
- **Bank Negara Malaysia komited untuk meningkatkan mudah tunai pasaran serta keupayaan pengurusan risiko dan ketelusan untuk memperkukuh peranan pasaran kewangan dalam menyokong aktiviti ekonomi.**
- **Pembangunan pasaran kewangan yang bertujuan untuk meningkatkan akses kepada pasaran tempatan merupakan keutamaan semasa, sejajar dengan tahap pembangunan negara.**


Pasaran kewangan yang mendalam di Malaysia terus memudahkan pengagihan sumber-sumber secara cekap bagi menyokong pertumbuhan ekonomi

Usaha memperdalam pasaran kewangan Malaysia telah memainkan peranan yang penting dalam perkembangan ekonomi negara. Selain itu, usaha ini juga membantu sektor perniagaan membiayai pelaburan dan menguruskan risiko melalui akses dan tahap kecekapan yang lebih baik. Hal ini seterusnya menyokong penstrukturan semula ekonomi yang dilakukan secara berterusan, iaitu daripada perindustrian yang berorientasikan perdagangan pada masa lalu kepada langkah mempelbagaikan kegiatan ekonomi yang menjurus kepada industri perkhidmatan dan industri berasaskan inovasi serta pendigitalan ekonomi pada masa hadapan.

Kini, Malaysia bukan sahaja merupakan salah sebuah pasaran bon terbesar di rantau ini malah juga mempunyai pasaran pertukaran asing yang aktif. Jumlah pertukaran asing (foreign exchange, FX) harian telah meningkat kepada lebih USD12 bilion daripada jumlah purata harian USD8 bilion yang dicatatkan pada tahun 2016, dengan jumlah pasaran hadapan tahunan berkembang sekali ganda untuk mencecah tahap tertinggi USD175 bilion sejak tahun 2016. Permodalan pasaran ekuiti pula bertambah sekali ganda sejak tahun 2009, dengan pasaran baharu seperti ACE dan LEAP[1] semakin mendapat tempat dalam kalangan firma baharu dan firma yang sedang berkembang. Yang penting, risiko yang dikaitkan dengan akses sektor perniagaan Malaysia yang lebih luas kepada sumber dana global akan terus dapat dikurangkan melalui pelaksanaan langkah kehematan, pengawasan yang lebih ketat terhadap aliran modal serta wujudnya pelabur institusi domestik yang teguh.


[1] LEAP, atau *Leading Entrepreneur Accelerator Platform* ditubuhkan oleh Bursa Malaysia pada tahun 2017 untuk menjadi pasaran pelengkap bagi perusahaan kecil dan sederhana.

Pasaran pertukaran asing dalam negeri Malaysia terus berkembang menyokong pertumbuhan ekonomi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pasaran bon Malaysia adalah yang terbesar di Asia Tenggara (% daripada KDNK)



Sumber: Asian Bonds Online

Matlamat inisiatif pembangunan pasaran adalah untuk terus meningkatkan akses dan mudah tunai pasaran, dan pada masa sama membendung risiko kepada kestabilan

Menyedari akan pentingnya pasaran kewangan yang dibangunkan dengan baik bagi mencapai pertumbuhan dan prestasi ekonomi negara yang menggalakkan, langkah-langkah terus diambil untuk meningkatkan akses, mudah tunai dan kecekapan pasaran kewangan di Malaysia. Rangka kerja perundangan yang jelas, infrastruktur pasaran yang teguh dan asas-asas makroekonomi yang kukuh terus menjadi daya penarik Malaysia kepada para pelabur. Oleh itu, keutamaan semasa Bank adalah untuk meningkatkan akses dan mudah tunai pasaran dan ini termasuk:

Meningkatkan mudah tunai dan fleksibiliti	• Bank Negara Malaysia (Bank) akan terus meningkatkan penawaran semula bon yang pernah diterbitkan (*off-the-run bonds*) untuk dibeli melalui repo. Ini bertujuan mencergaskan lagi aktiviti dagangan dalam pasaran. • Selain beberapa penambahbaikan yang lain, garis panduan repo akan dikaji semula dengan sewajarnya untuk melanjutkan tempoh matang repo melebihi satu tahun.
Menambah baik pasaran hadapan	• Bagi membangunkan lagi platform lindung nilai yang berkesan untuk para pelabur, Bank bersama-sama Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa Malaysia dan peserta utama pasaran akan terus menambah baik mekanisme penghantaran bagi penyelesaian niaga hadapan Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Securities*, MGS).
Menambahkan penyertaan dalam program lindung nilai	• Bank amanah dan kustodian global kini boleh memohon program lindung nilai dinamik (diperkenalkan pada bulan Disember 2016) untuk mengambil lindung nilai dinamik bagi pihak pelanggan mereka.
Menambahkan fleksibiliti bagi lindung nilai dinamik	• Pelabur institusi berdaftar boleh menandatangani kontrak hadapan untuk membeli ringgit melebihi 25% daripada aset asas setelah mendapat kelulusan Bank. • Permohonan boleh dihantar kepada *investorregister@bnm.gov.my*
Memudahkan proses transaksi dan dokumentasi	• Panduan dokumentasi yang standard untuk transaksi pertukaran asing telah dirumuskan oleh pihak industri untuk memudahkan akses pelabur kepada pasaran pertukaran asing tempatan.
Meningkatkan akses kepada mudah tunai ringgit di luar waktu	• Bank akan terus membantu keupayaan AOO (*Appointed Overseas Office*) mencergaskan aktiviti pasaran bagi memastikan akses yang mencukupi bagi penetapan ringgit dua hala.

Malaysia, sebagai ekonomi yang terbuka dengan sistem kewangan yang bersepadu dengan sektor antarabangsa, terdedah kepada risiko penularan yang boleh timbul akibat perkembangan yang berlaku di luar negara. Ini termasuk perkembangan yang berkaitan dengan ketegangan geopolitik yang meruncing dan ketidakpastian ekonomi yang tidak dijangka. Volatiliti pasaran kewangan yang lebih ketara dan berlarutan boleh menjejaskan keberkesanan dasar monetari selain meningkatkan risiko dalam ekonomi. Berlatarkan keadaan ini, Bank terus komited untuk memperluas dan memperdalam pasaran kewangan domestik serta memastikan keadaan pasaran kekal teratur. Dua perkembangan utama telah menambahkan keupayaan pasaran untuk memenuhi pelbagai keperluan firma dan pelabur bagi mendapatkan akses kepada produk kewangan dengan profil risiko, pulangan dan kematangan yang berbeza:

(i) Pejabat Luar Negara Yang Dilantik sebagai pintu masuk pelaburan ke Malaysia

Walaupun kadar pertukaran ringgit ditentukan oleh pasaran, kesan limpahan pasaran pertukaran asing luar pesisir yang bersifat spekulatif dan tidak dikawal selia boleh menjejaskan kestabilan ekonomi benar. Menyedari akan perlunya mengekalkan akses sambil pada masa yang sama mengurangkan risiko-risiko ini, Malaysia telah memperkenalkan rangka kerja Pejabat Luar Negara Yang Dilantik[2] (AOO) pada tahun 2007. Langkah ini diambil supaya kesalinghubungan dengan rangkaian pelabur global dapat terus dikekalkan, manakala jurang perbezaan geografi dan zon masa dapat dikurangkan.

AOO berfungsi sebagai pintu masuk entiti antarabangsa seperti syarikat korporat, institusi kewangan dan pelabur untuk menjalankan kegiatan perdagangan dan pelaburan, lantas mengekalkan akses yang cekap bagi pelabur asing ke Malaysia. Dengan adanya rangka kerja AOO, sinergi yang lebih baik antara institusi perbankan dalam negeri dengan luar pesisir dapat diwujudkan untuk memenuhi keperluan dan pilihan pelabur dan perniagaan. Bagi memenuhi permintaan peserta pasaran, rangka kerja AOO telah diperluas pada tahun 2016 untuk meliputi keupayaan transaksi tambahan seperti membantu lindung nilai pertukaran asing untuk akaun sendiri dan pelanggan, bagi akaun semasa dan akaun kewangan, membuka akaun ringgit dan memperluas kemudahan pembiayaan perdagangan ringgit.

Rangkaian AOO semakin mendapat perhatian, dengan lebih 150 AOO dari 21 kumpulan perbankan beroperasi di 36 buah negara sehingga kini. Bank sedang berusaha untuk menambah baik dan membantu keupayaan AOO mencergaskan lagi aktiviti pasaran ringgit melangkaui waktu dagangan/ urus niaga tempatan melalui fleksibiliti lebih besar yang diberikan kepada transaksi antara pihak yang berdagang.

(ii) Program lindung nilai dinamik membantu pengurusan risiko


Semasa menghadapi tekanan pasaran, aliran modal satu hala yang timbul akibat tingkah laku kawanan (*herd behavior*) pelabur yang bersifat homogen dalam menguruskan risiko boleh menimbulkan gangguan yang besar. Untuk memudahkan mudah tunai dua hala bagi lindung nilai mata wang dalam pasaran tempatan, program lindung nilai dinamik yang diperkenalkan pada tahun 2016 menawarkan akses pasaran kepada pelabur institusi untuk menguruskan pendedahan FX aset pelaburan mereka secara aktif, telus dan teratur. Di bawah program ini, fleksibiliti diberikan kepada pelabur untuk mengambil lindung nilai hadapan selepas pendaftaran[3] dengan Bank tanpa memerlukan dokumentasi.

---

[2] Bank tempatan berlesen dibenarkan untuk melantik cawangannya di luar negara untuk memudahkan penyelesaian aset ringgit bank bagi pelabur bukan pemastautin dengan komitmen pelaburan asas yang kukuh. Rangka kerja AOO bertujuan untuk menyediakan fleksibiliti tambahan kepada transaksi ringgit dengan institusi kewangan bukan pemastautin yang dilantik bank tempatan berlesen boleh melakukan transaksi *"back-to-back"* untuk memudahkan penyelesaian perdagangan dan aset ringgit antara bukan pemastautin dengan pemastautin.

[3] Pelabur institusi bukan pemastautin yang berdaftar dengan Bank dibenarkan untuk: (i) Menandatangani kontrak hadapan untuk menjual ringgit sehingga 100% daripada aset ringgit asas yang dilaburkan; (ii) Menandatangani kontrak hadapan untuk membeli ringgit tambahan sehingga 25% daripada aset ringgit asas yang dilaburkan, atau pada peratusan yang lebih tinggi setelah mendapatkan kelulusan Bank Negara Malaysia; atau (iii) Membatalkan kontrak hadapan yang diterangkan dalam (i) dan (ii) di atas.

Ilustrasi program lindung nilai dinamik



Sumber: Bank Negara Malaysia

Program lindung nilai dinamik ini disokong oleh bank-bank tempatan dan rangkaian AOO, lantas memberikan akses kepada pelabur domestik dan asing terhadap pilihan produk dan saluran pengurusan risiko yang lebih luas. Setakat akhir suku kedua 2019, 89 pelabur (72 bukan pemastautin; 17 pemastautin) telah berdaftar di bawah program ini dengan aset yang diuruskan bernilai RM128 bilion. Pada bulan Mei 2019, program ini telah diperluas untuk meliputi bank-bank amanah dan kustodian global yang mengambil perlindungan nilai dinamik bagi pihak pelanggan mereka.

Data pasaran tambahan kian menyokong keputusan para pelabur

Sejak tahun 2018, pelabur pemastautin dan bukan pemastautin membuat transaksi dan penyelesaian melalui akaun sekuriti yang diasingkan dalam Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (RENTAS). Pengasingan akaun sekuriti ini membolehkan semua transaksi sekuriti diselesaikan melalui RENTAS dengan telus, selain menyediakan aliran maklumat yang lebih baik mengenai komposisi pelabur di Malaysia. Maklumat seperti kategori pelabur yang diselaraskan dengan piawaian antarabangsa dan aliran dalam pasaran bon kerajaan untuk pelabur pemastautin dan bukan pemastautin, terdapat dalam laman sesawang Bond Info Hub[4] dan Buletin Suku Tahunan BNM. Akaun sekuriti berasingan ini turut memperoleh manfaat daripada penggunaan sistem pengenal pasti entiti sah global (*legal entity identifier*, LEI), lantas memudahkan pematuhan Malaysia terhadap piawaian global untuk meningkatkan keupayaan mengenal pasti dan menguruskan risiko kewangan di dalam dan merentas rakan niaga dan negara.

Inisiatif pembangunan pasaran kewangan merupakan sebahagian daripada strategi ekonomi yang lebih luas untuk memastikan perkembangan ekonomi Malaysia mampan

Walaupun landskap global bercirikan volatiliti yang tinggi dan ketidakpastian yang semakin meningkat, dasar kadar pertukaran Malaysia yang fleksibel bersama-sama dengan peningkatan kecanggihan pasaran kewangannya bertindak sebagai penampan kesan kejutan luaran dan mengurangkan risiko akibat volatiliti yang keterlaluan terhadap ekonomi benar. Bank terus mengambil pendekatan yang berpandangan jauh dalam usaha mengukuhkan daya tahan pasaran kewangan tempatan, di samping terus meningkatkan akses dan kecekapan pasaran bagi pelabur-pelabur domestik dan asing. Kadar pertukaran yang fleksibel akan terus menjadi sumber kekuatan utama Malaysia dalam menguruskan volatiliti dalam aliran modal, dengan infrastruktur pasaran yang mantap dan inisiatif dasar yang akomodatif bertindak sebagai tunggak untuk memperkukuh pasaran kewangan yang menarik bagi perdagangan dan pelaburan di Malaysia.

[4] http://bondinfo.bnm.gov.my/portal/server.pt

Tambahan

Jadual 1

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2018 (%)	2018		2019		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Pertumbuhan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	94.1	5.5	4.8	4.4	4.6	4.5
Sektor Swasta	74.2	7.3	6.3	5.9	6.2	6.1
Penggunaan	*57.0*	*7.9*	*7.2*	*7.6*	*7.8*	*7.7*
Pelaburan	*17.3*	*5.5*	*3.4*	*0.4*	*1.8*	*1.2*
Sektor awam	19.8	-1.6	-0.9	-1.4	-2.8	-2.1
Penggunaan	*12.5*	*3.1*	*1.8*	*6.3*	*0.3*	*3.2*
Pelaburan	*7.4*	*-9.9*	*-5.4*	*-13.2*	*-9.0*	*-11.3*
Eksport Bersih	7.0	-6.0	22.7	10.9	22.9	16.0
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*67.6*	*2.6*	*2.5*	*0.1*	*0.1*	*0.1*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*60.6*	*3.6*	*0.6*	*-1.4*	*-2.1*	*-1.8*
KDNK	**100.0**	**4.5**	**4.9**	**4.5**	**4.9**	**4.7**
KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**0.6**	**-**	**1.1**	**1.0**	**-**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2015)

Pertumbuhan tahunan (%)	Bahagian 2018 (%)	2018		2019		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
Perkhidmatan	56.7	6.5	6.5	6.4	6.1	6.3
Perkilangan	22.4	4.9	5.0	4.2	4.3	4.2
Perlombongan	7.6	-3.4	-2.0	-2.1	2.9	0.3
Pertanian	7.3	-1.7	0.7	5.6	4.2	4.9
Pembinaan	4.9	4.8	4.9	0.3	0.5	0.4
KDNK Benar	**100.0[1]**	**4.5**	**4.9**	**4.5**	**4.9**	**4.7**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3

Imbangan Pembayaran[1]

	2018		2019		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Akaun Semasa	2.8	16.4	16.4	14.3	30.6
(% daripada PNK)	0.8	2.4	4.7	3.9	4.3
Barangan	25.9	60.1	33.8	28.1	62.0
Perkhidmatan	-5.6	-11.1	-1.8	-3.4	-5.3
Pendapatan primer	-12.8	-23.1	-10.1	-5.5	-15.7
Pendapatan sekunder	-4.8	-9.4	-5.5	-4.9	-10.4
Akaun Kewangan	**10.5**	**22.4**	**-13.8**	**-18.6**	**-32.4**
Pelaburan langsung	-0.5	8.7	16.3	-8.2	8.0
Aset	*-4.5*	*-7.7*	*-6.9*	*-11.5*	*-18.4*
Liabiliti	*4.0*	*16.4*	*23.1*	*3.2*	*26.4*
Pelaburan portfolio	-37.9	-39.4	2.1	-10.2	-8.1
Aset	*-0.7*	*-10.3*	*-11.4*	*-5.0*	*-16.5*
Liabiliti	*-37.2*	*-29.1*	*13.5*	*-5.1*	*8.4*
Derivatif kewangan	0.8	1.6	-0.2	-0.5	-0.7
Pelaburan lain	48.2	51.5	-31.9	0.3	-31.6
Kesilapan dan ketinggalan bersih[2]	-14.2	-21.5	2.9	2.9	5.9
Imbangan Keseluruhan	**-0.9**	**17.3**	**5.5**	**-1.4**	**4.1**

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Mulai S1 2018, kesilapan dan ketinggalan bersih tidak termasuk perubahan hasil daripada penilaian semula nilai rizab antarabangsa. Amalan ini terpakai untuk siri belakang hingga S1 2010.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 4

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2018	2019	
	akhir-Jun	akhir-Mac	akhir-Jun
	RM bilion		
Jumlah hutang luar negeri	**927.3**	**903.7**	**931.1**
Bersamaan dengan USD bilion	*226.9*	*219.3*	*222.6*
Mengikut instrumen			
Bon dan nota[1]	149.5	158.1	162.2
Peminjaman antara bank[1]	223.3	175.7	199.1
Pinjaman antara syarikat berkaitan[1]	132.0	140.9	147.7
Pinjaman[1]	71.9	72.1	71.5
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	185.1	186.9	181.9
Deposit bukan pemastautin	85.6	93.6	91.3
Lain-lain[2]	79.9	76.3	77.4
Profil tempoh matang			
Jangka sederhana dan panjang	523.1	535.2	542.7
Jangka pendek	404.2	368.5	388.4
Denominasi mata wang			
Ringgit	293.1	295.7	295.0
Asing	634.2	607.9	636.1
Jumlah hutang/KDNK (%)	64.1	59.5	61.3
Hutang jangka pendek/Jumlah hutang (%)	43.6	40.8	41.7
Rizab/Hutang jangka pendek (kali)	1.0	1.1	1.1[3]

[1] Instrumen hutang terkandung dalam peminjaman luar pesisir.
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain.
[3] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 31 Julai 2019.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 5

Pembiayaan Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan, IKP dan Pasaran Modal

	2018		2019			2018		2019		
	S2	ST1	S1	S2	ST1	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Pertukaran pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
Jumlah pembiayaan bersih	**64.6**	**101.3**	**23.0**	**45.3**	**68.3**	**7.8**	**7.8**	**6.5**	**5.6**	**5.6**
Pinjaman terkumpul[1,2]	53.4	71.7	8.8	12.4	21.1	6.4	6.4	6.4	3.9	3.9
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan	13.0	21.6	1.3	2.2	3.6	3.2	3.2	4.4	2.7	2.7
PKS[3]	*3.8*	*5.9*	*-1.6*	*-0.9*	*-2.5*	*5.3*	*5.3*	*0.2*	*-1.2*	*-1.2*
Bukan PKS	*9.2*	*15.7*	*2.9*	*3.1*	*6.0*	*1.2*	*1.2*	*8.7*	*6.5*	*6.5*
Isi rumah	37.1	48.7	10.3	11.2	21.5	7.9	7.9	7.5	4.8	4.8
Bon korporat terkumpul[4]	11.3	29.6	14.2	32.9	47.1	12.4	12.4	7.1	10.6	10.6

[1] Sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Bermula bulan Jun 2019, data dari bulan April 2018 disemak semula untuk mengambil kira data bank perdagangan berlesen yang baharu (MBSB Bank Berhad). Ia sebelum ini dikelaskan sebagai institusi kewangan bukan bank. Dengan mengambil kira data pinjaman terkumpul ini, kadar pertumbuhan tahunan pembiayaan menjadi lebih tinggi untuk tempoh sementara dari S2 2018 hingga S1 2019. Hal ini disebabkan oleh asas yang lebih rendah pada tahun-tahun sebelumnya
[2] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
[3] Sebahagiannya mencerminkan pengelasan semula daripada PKS kepada Bukan PKS yang dijalankan secara berterusan oleh institusi kewangan
[4] Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 6

Penunjuk Pinjaman

	2018		2019			2018		2019		
	S2	ST1	S1	S2	ST1	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
Jumlah										
Permohonan pinjaman[1]	223.1	432.2	194.4	228.1	422.5	8.9	7.4	-7.1	2.2	-2.3
Kelulusan pinjaman[1]	100.8	191.1	90.8	109.6	200.4	9.9	6.7	0.5	8.7	4.9
Pengeluaran pinjaman[2]	302.5	603.0	313.9	311.3	625.1	9.1	5.3	4.4	2.9	3.7
Bayaran balik pinjaman[2]	301.3	597.6	319.3	313.8	633.1	8.7	4.9	7.8	4.1	5.9
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan[3]										
Permohonan pinjaman	101.8	196.0	84.4	104.1	188.4	17.5	13.3	-10.4	2.2	-3.9
Kelulusan pinjaman	47.9	87.6	41.1	52.2	93.3	17.1	7.0	3.4	9.2	6.6
Pengeluaran pinjaman	216.7	426.9	221.4	219.8	441.2	10.1	4.0	5.4	1.4	3.3
Bayaran balik pinjaman	216.9	422.9	226.6	222.8	449.4	9.1	3.3	10.0	2.7	6.3
PKS[4]										
Permohonan pinjaman	49.0	93.0	43.9	48.6	92.5	16.3	11.7	-0.2	-0.6	-0.4
Kelulusan pinjaman	16.6	31.7	15.4	16.5	32.0	9.5	9.0	2.2	-0.6	0.7
Pengeluaran pinjaman	73.6	149.5	75.7	76.3	152.1	6.3	6.0	-0.2	3.7	1.7
Bayaran balik pinjaman	74.2	148.9	76.8	76.5	153.3	8.3	7.6	2.8	3.1	3.0
Bukan PKS[3]										
Permohonan pinjaman	52.9	103.1	40.5	55.4	95.9	18.7	14.7	-19.4	4.8	-7.0
Kelulusan pinjaman	31.2	55.8	25.6	35.7	61.3	21.5	5.9	4.2	14.3	9.9
Pengeluaran pinjaman	143.1	277.4	145.7	143.4	289.1	12.2	2.9	8.5	0.2	4.2
Bayaran balik pinjaman	142.8	274.0	149.7	146.4	296.1	9.5	1.1	14.1	2.5	8.1
Isi Rumah										
Permohonan pinjaman	121.3	236.2	110.0	124.0	234.0	2.6	3.0	-4.3	2.3	-0.9
Kelulusan pinjaman	53.0	103.6	49.8	57.4	107.1	4.1	6.4	-1.7	8.3	3.4
Pengeluaran pinjaman	85.8	176.1	92.4	91.5	183.9	6.7	8.7	2.3	6.7	4.4
Bayaran balik pinjaman	84.4	174.7	92.7	90.9	183.7	7.8	9.0	2.8	7.7	5.2

[1] Permohonan dan kelulusan pinjaman bagi semua segmen merangkumi sistem perbankan sahaja
[2] Pengeluaran dan bayaran balik pinjaman bagi semua segmen merangkumi sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP)
[3] Termasuk institusi kewangan bukan bank domestik, institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing
[4] Sebahagiannya mencerminkan pengelasan semula daripada PKS kepada bukan PKS yang dijalankan secara berterusan oleh institutsi kewangan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Bermula bulan Jun 2019, data disemak semula untuk mengambil kira data bank perdagangan berlesen yang baharu (MBSB Bank Berhad) sejak bulan April 2018. Ia sebelum ini dikelaskan sebagai institusi kewangan bukan bank.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 7

Penunjuk Keberuntungan Sektor Perbankan

	2018				2019	
	S1	**S2**	**S3**	**S4**	**S1**	**S2*a***
Pulangan atas ekuiti (%)	12.4	13.3	12.8	12.7	11.5	13.0
Pulangan atas aset (%)	1.4	1.5	1.4	1.4	1.3	1.5
	RM juta					
Pendapatan faedah bersih	12,045	12,287	12,483	12,782	12,438	12,009
Campur: Pendapatan berasaskan fi	2,606	2,517	2,476	2,499	2,548	2,619
Tolak: Kos operasi[1]	8,101	7,919	7,820	8,326	8,385	8,421
Keuntungan operasi kasar	6,550	6,885	7,138	6,955	6,601	6,206
Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain	682	466	692	737	159	274
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	5,868	6,418	6,446	6,218	6,442	5,933
Campur: Pendapatan lain	3,048	4,071	2,240	3,368	2,548	5,532
Untung sebelum cukai	**8,916**	**10,489**	**8,686**	**9,586**	**8,990**	**11,465**
	Pertumbuhan tahunan (%)					
Pulangan atas ekuiti *(mata peratusan)*	0.6	0.6	-0.1	-0.4	-0.8	-0.3
Pulangan atas aset *(mata peratusan)*	0.1	0.1	0.0	0.0	-0.1	0.0
Pendapatan faedah bersih	6.7	5.7	6.3	9.6	3.3	-2.3
Campur: Pendapatan berasaskan fi	4.3	-0.4	-3.1	-17.7	-2.2	4.0
Tolak: Kos operasi[1]	7.1	3.2	1.8	1.8	3.5	6.3
Keuntungan operasi kasar	5.2	6.3	7.9	6.7	0.8	-9.9
Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain	126.9	-43.3	31.1	77.7	-76.7	-41.3
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	-0.9	13.5	5.9	1.9	9.8	-7.6
Campur: Pendapatan lain	52.0	13.8	-26.3	-12.3	-16.4	35.9
Untung sebelum cukai	**12.4**	**13.6**	**-4.9**	**-3.6**	**0.8**	**9.3**

[1] Merujuk kos kakitangan dan overhed
[2] Merujuk Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit berdasarkan Piawaian Pelepasan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9
a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 8

Penunjuk Keberuntungan Sektor Insurans dan Takaful

	2018				2019	
	S1	**S2**	**S3**	**S4**	**S1**	**S2*a***
	RM juta					
Insurans Hayat & Takaful Keluarga						
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	4,095	-1,222	7,610	-1,011	8,561	7,949
Insurans Am & Takaful Am						
Keuntungan operasi	561	759	1,207	476	716	678
Nisbah tuntutan (%)	57	59	53	57	57	62
	Pertumbuhan tahunan (%)					
Insurans Hayat & Takaful Keluarga						
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	-33.1	-127.7	116.3	-120.5	109.0	750.6
Insurans Am & Takaful Am						
Keuntungan operasi	13.4	-0.4	84.7	-39.2	27.5	-10.7
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	-6.0	3.7	-7.9	2.3	-0.1	3.0

a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 9

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2018		2019		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Hasil	52.5	106.8	63.7	62.1	125.8
% pertumbuhan tahunan	*4.0*	*10.0*	*17.2*	*18.3*	*17.8*
Perbelanjaan mengurus	62.9	117.8	59.5	65.3	124.8
% pertumbuhan tahunan	*17.5*	*6.0*	*8.3*	*3.8*	*5.9*
Akaun semasa	**-10.4**	**-11.0**	**4.2**	**-3.2**	**1.0**
% daripada KDNK	***-3.0***	***-1.6***	***1.2***	***-0.9***	***0.1***
Perbelanjaan pembangunan bersih	9.1	19.8	11.3	12.1	23.4
% pertumbuhan tahunan	*-14.8*	*-0.7*	*5.5*	*33.2*	*18.2*
Imbangan keseluruhan	**-19.5**	**-30.8**	**-7.1**	**-15.3**	**-22.4**
% daripada KDNK	***-5.5***	***-4.4***	***-2.0***	***-4.1***	***-3.1***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	72.0	137.6	70.8	77.4	148.2
% pertumbuhan tahunan	*12.1*	*5.0*	*7.8*	*7.5*	*7.7*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	725.2	725.5	776.8	799.1	799.1
% daripada KDNK	*50.1*	*50.1*	*51.2*	*52.7*	*52.7*
Hutang Dalam Negeri	541.3	541.3	584.3	609.1	609.1
% daripada KDNK	*37.4*	*37.4*	*38.5*	*40.1*	*40.1*
Hutang Luar Negeri	184.0	184.0	192.5	190.0	190.0
% daripada KDNK	*12.7*	*12.7*	*12.7*	*12.5*	*12.5*
Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin	*167.5*	*167.5*	*168.7*	*165.6*	*165.6*
% daripada KDNK	*11.6*	*11.6*	*11.1*	*10.9*	*10.9*
Peminjaman luar pesisir	*16.5*	*16.5*	*23.7*	*24.4*	*24.4*
% daripada KDNK	*1.1*	*1.1*	*1.6*	*1.6*	*1.6*

[a] Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia